

TRANSKRIPSI TEKS UNDANG-UNDANG  
BERDASARKAN TEKS UNDANG-UNDANG KEDAH  
(1893): SATU ANALISIS ELEMEN ISLAM

MUHAMMAD SYAHIRUDIN BIN SALIM  
C18A0185

UNIVERSITI

---

IJAZAH SARJANA MUDA

---

2021

---

KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

TRANSKRIPSI TEKS UNDANG-UNDANG  
BERDASARKAN TEKS UNDANG-UNDANG KEDAH  
(1893): SATU ANALISIS ELEMEN ISLAM

MUHAMMAD SYAHRUDIN BIN SALIM  
C18A0185

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Syahirudin

Anis

Tandatangan  
981116026431

No. Kad Pengenalan  
Tarikh : 20 Januari 2022

Tandatangan Penyelia  
PUAN SITI NUR ANIS BINTI  
MUHAMMAD APANDI

Nama Penyelia  
Tarikh : 20 Januari 2022

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.

“Dengan Nama Allah SWT Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang”, segala puji dan rasa syukur kepada Illahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Bersyukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurniaNya akhirnya saya berjaya menyempurnakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang menyiapkan kajian ini. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah saya iaitu Puan Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta bimbingan dalam menyempurnakan penulisan ilmiah ini. Semoga segala jasa baik dan budi yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Di kesempatan ini saya merakamkan rasa syukur dan ingin mengucapkan jutaan terima kasih juga kepada ibu bapa dan keluarga tercinta kerana telah memberikan dorongan serta semangat kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan yang membantu dan memberi kerjasama dalam menyiapkan tugas ini. Segala jasa dan pengorbanan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

| <b>Bil</b> |   | <b>Halaman</b> |
|------------|---|----------------|
|            | PENGESAHAN TESIS                                | I              |
|            | PENGHARGAAN                                     | II             |
|            | ISI KANDUNGAN                                   | III            |
|            | ABSTRAK   | IV             |
|            | ABSTRACT  | V              |
|            | <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>                        | <b>1</b>       |
| 1.0        | Pengenalan                                      | 1              |
| 1.1        | Latar Belakang Kajian                           | 7              |
| 1.2        | Permasalahan Kajian                             | 9              |
| 1.3        | Persoalan Kajian                                | 10             |
| 1.4        | Objektif Kajian                                 | 11             |
| 1.5        | Definisi Konsep                                 | 11             |
|            | i. Islam  | 14             |
|            | ii. Undang-undang Islam                         | 16             |
|            | iii. Adat                                       | 19             |
|            | iv. Pemerintahan                                | 22             |
|            | v. Kuasa  | 24             |
| 1.6        | Skop dan Batasan Kajian                         | 24             |
|            | 1.6.1 Skop dan Batasan Teks                     | 25             |
|            | 1.6.2 Skop dan Batasan Teori                    | 25             |
| 1.7        | Kepentingan kajian                              | 26             |
|            | 1.7.1 Dunia Akademik                            | 26             |
|            | 1.7.2 Pengkaji Seterusnya                       | 26             |
|            | 1.7.3 Negara dan Masyarakat                     | 27             |
| 1.8        | Pembahagian Bab                                 | 29             |
| 1.9        | Kesimpulan                                      | 29             |
|            | <b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>                  | <b>30</b>      |
| 2.1        | Pengkajian berdasarkan teks undang-undang Kedah | 37             |
| 2.2        | Teori Kuasa                                     | 43             |
|            | <b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>                  | <b>44</b>      |
| 3.1        | Pendahuluan                                     | 44             |
| 3.2        | Metodologi Kajian                               | 44             |
|            | a) Bacaan (memoing)                             | 45             |
|            | b) Penerangan                                   | 46             |
|            | c) Deduktif                                     | 46             |
|            | d) Pengelasan                                   | 46             |
|            | e) Pentafsiran                                  | 46             |
|            | 3.2.1 Pendekatan Kajian                         | 50             |
| 3.3        | Teori Kuasa                                     | 50             |
|            | i. Kekuasaan Paksaan                            | 51             |
|            | ii. Kekuasaan Sah                               | 51             |
|            | iii. Kekuasaan Rujukan                          | 51             |
| 3.4        | Reka Bentuk Kajian                              | 51             |
| 3.5        | Kerangka Konseptual                             | 52             |
| 3.6        | Keterangan Kerangka Konseptual                  | 54             |

|                                     |   |    |
|-------------------------------------|---|----|
| 3.7                                 | Kesimpulan  | 55 |
| BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN   |   | 55 |
| 4.0                                 | Pengenalan  | 55 |
| 4.1                                 | Pengaruh Islam dalam teks                         | 56 |
| 4.1.1                               | Pengenalan Undang-Undang                          | 59 |
| 4.1.2                               | Undang-undang Mengikut Rukun Islam                | 61 |
| 4.1.3                               | Peraturan Mengikut Hukum Islam                    | 63 |
| 4.1.4                               | Pemerintah sebagai wali Allah SWT                 | 64 |
| 4.2                                 | Konsep Teori Kuasa dalam Teks Undang-undang Kedah | 65 |
| 4.2.1                               | Prinsip Kekuasaan Paksaan                         | 65 |
| 4.2.1.1                             | Prinsip Kekuasaan Paksaan dalam Pemerintahan      | 68 |
| 4.2.1.2                             | Prinsip Kekuasaan Paksaan dalam Adat              | 71 |
| 4.2.1.3                             | Prinsip Kekuasaan Paksaan dalam peraturan         | 74 |
| 4.2.2                               | Prinsip Kekuasaan Sah                             | 75 |
| 4.2.2.1                             | Kekuasaan Sah dalam Pemerintahan                  | 77 |
| 4.2.2.2                             | Kekuasaan Sah dalam Peraturan                     | 79 |
| 4.2.3                               | Prinsip Kekuasaan Rujukan                         | 79 |
| 4.2.3.1                             | Kekuasaan Rujukan dalam Pemerintahan              | 81 |
| 4.2.3.2                             | Kekuasaan Rujukan dalam Peraturan                 | 83 |
| 4.2.3.3                             | Kekuasaan Rujukan dalam Undang-undang Adat        | 85 |
| 4.4                                 | Kesimpulan  | 86 |
| BAB 5 RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP |   | 87 |
| 5.1                                 | Pengenalan  | 87 |
| 5.2                                 | Rumusan   | 87 |
| 5.3                                 | Cadangan Kajian                                   | 88 |
| 5.3.1                               | Peranan Teks Undang-undang                        | 88 |
| 5.3.2                               | Peranan Institusi Pendidikan                      | 88 |
| 5.3.3                               | Peranan Penerbit Karya Kesusasteraan Melayu       | 89 |
| 5.4                                 | Kesimpulan  | 89 |
| RUJUKAN                             |   | 93 |



Transkripsi Teks Undang-Undang berdasarkan Teks Undang-Undang Kedah (1893):

Satu Analisis Elemen Islam

#### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti dan menganalisis elemen Islam yang terdapat dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Kajian ini juga adalah untuk mengisi kepongkongan kajian yang dilakukan dalam teks undang-undang ini terutama dalam memfokuskan tentang Islam. Bagi reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah perpustakaan, memoing dan juga analisis secara deskriptif. Asas dan dasar kajian ini juga dianalisis melalui tiga prinsip yang terdapat dalam Teori Kuasa iaitu prinsip kekuasaan paksaan, prinsip kekuasaan sah dan prinsip kekuasaan rujukan. Hal ini kerana, bagi mengemukakan bagaimana undang-undang ini dilaksanakan serta asas kepada teks ini juga dapat disampaikan. Bagi prinsip kekuasaan paksaan membuktikan bahawa teks undang-undang ini adalah simbolisme kepada golongan raja iaitu sebagai pemerintah dalam menegakkan peraturan yang lebih ketat. Prinsip kekuasaan sah pula dapat dikemukakan tentang kekuasaan raja-raja di negeri Kedah ini mengenakan peraturan yang sangat tegas dalam menjaga takhta mereka dan juga menjaga kesucian Islam dalam peraturan tersebut. Manakala bagi prinsip kekuasaan rujukan mengemukakan tentang peraturan-peraturan pelaksanaan ini menggunakan rujukan al-quran dan hadis sebagai contoh dimana setiap undang-undang tersebut mempunyai kaitan dengan syarat-syarat Islam. Justeru, kajian ini memberi implikasi kepada penyelidik sebagai asas dalam memahami sesuatu teks undang-undang dan juga teks *Undang-Undang Kedah (1893)* yang menampilkan elemen penting iaitu Islam sebagai asas pengubalan teks ini.

**Kata Kunci:** *Undang-Undang Kedah (1893)*, Islam, Teori Kuasa, Prinsip Kekuasaan Paksaan, Prinsip Kekuasaan Sah, Prinsip Kekuasaan Rujukan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Transcription of Legal Texts based on Kedah Legal Texts (1893): An Analysis of  
Islamic Elements

ABSTRACT

This study aims to identify and analyze the Islamic elements found in the text of the Laws of Kedah (1893). This study is also to fill the gaps of research done in the text of this law especially in focusing on Islam. For the design of this study using qualitative methods with library methods, memoing and also descriptive analysis. The basis and policy of this study is also analyzed through three principles found in the Theory of Power, namely the principle of coercive power, the principle of legitimate power and the principle of reference power. This is because, to present how this law is implemented as well as the basis of this text can also be conveyed. For the principle of coercive power proves that the text of this law is a symbolism to the king that is as the ruler in enforcing stricter rules. The principle of legitimate authority can be presented about the power of the rulers in the state of Kedah to impose very strict rules in maintaining their thrones and also maintain the sanctity of Islam in the rules. As for the principle of the power of reference, presenting the rules of implementation is using the reference of the Qur'an and hadith as an example where each of the laws is related to the conditions of Islam. Thus, this study gives implications to researchers as a basis in understanding a legal text and also the text of the Law of Kedah (1893) which features an important element of Islam as the basis for the drafting of this text.

**Keywords:** Kedah Law (1893), Islam, Theory of Power, Principle of Coercive Power, Principle of Legal Power, Principle of Reference Power.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Bahagian ini merupakan kata pengantar bagi projek penyelidikan kajian yang mengandungi latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Penulisan ini akan mengupas dengan lebih lanjut mengenai elemen Islam dalam *Undang-Undang Kedah (1893)* dari segi pengaruh dan aspek yang menjadi fokus utama dalam perbincangan ini iaitu adat, pemerintahan dan juga peraturan. Perkara-perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam perbincangan yang dilakukan. Sebelum dibincangkan dengan lebih lanjut dan mendalam aspek lain yang akan dinyatakan juga adalah penggunaan teori yang diaplikasikan. Sesuai dengan fokus kajian yang dilakukan, pengkaji mengaplikasikan satu teori yang diguna pakai dalam perbincangan ini. Seiring dengan teori yang digunakan ini, dibincangkan juga pemahaman mengenai elemen Islam dalam *Undang-Undang Kedah (1893)* harus juga diketengahkan dengan objektif, persoalan kajian, permasalahan kajian, definisi konsep, skop dan batasan, kepentingan kajian, pembahagian bab dan juga juga akhir sekali kesimpulan.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

*Undang-Undang Kedah (1893)* merupakan sebuah ketatanegaraan yang penting di negeri Kedah pada zaman dahulu. Undang-undang ini mempunyai kesinambungannya yang tersendiri dan juga hubungan dengan sistem-sistem lain yang wujud dalam masyarakat pada zaman dahulu dan mempunyai makna yang besar dalam mewujudkan keharmonian dan kehidupan masyarakat. Dikatakan juga Kedah merupakan negeri yang terawal menerima pengaruh Islam iaitu kira-kira pada abad ke-

9M lagi. Pengaruh ini terjalin disebabkan lanjutan hubungan perdagangan yang terjalin antara para pedagang Timur Tengah khususnya Tanah Arab dan Parsi yang menjalankan perdagangan di Pelabuhan Kedah menurut Yahya Abu Bakar (1991, p.77). Jadi dikatakan *Undang-Undang Kedah (1893)* ini mempunyai pengaruh Islam kerana teks undang-undang ini merupakan sebuah teks yang terakhir serta diguna pakai oleh masyarakat Kedah sebelum digantikan dengan undang-undang kolonial. Perkataan elemen Islam yang menjadi fokus utama dalam kajian ini mempunyai makna atau maksud yang tersendiri iaitu anasir ataupun sesuatu yang mempunyai bahagian dalam unsur yang berkaitan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005, p.590). Teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini juga mempunyai fungsinya yang tersendiri kepada masyarakat Melayu pada zaman dahulu dan juga kepada golongan kesultanan Melayu Kedah.

Perkataan elemen Islam ini juga merujuk kepada sesuatu dasar yang terdapat di dalam Islam di mana dasar ini tidak boleh diubah dan tetap (Mohd Izani, 2007, p. 232). Dapat disimpulkan bahawa elemen Islam ini juga adalah ketetapan yang ditetapkan dalam al-Quran dan semestinya selari dengan perkara berikut. Hal ini kerana, ketetapan berikut merupakan garis panduan yang perlu untuk dituruti bagi golongan Islam. Justeru itu, dapat disimpulkan dengan maksud yang diberikan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005, p.590) yang menyatakan bahawa elemen ini bermaksud anasir ataupun sesuatu bahagian dalam unsur berkaitan. Jadi dapat dilihat dalam elemen Islam yang terdapat dalam teks *Undang-Undang Kedah* ini mempunyai dasar yang tersendiri yang mengikut kepada dasar yang ditetapkan dalam Islam.

Selain itu juga, di dalam konteks istilah elemen Islam ini menurut Dewan Masyarakat (2014, Vol 36, p.31) mempunyai maksud perkara-perkara yang tidak bertentangan dengan syariah yang ditetapkan. Hal ini akan dilihat dalam pelaksanaan undang-undang yang ditetapkan dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* menerusi tiga perkara yang berkaitan. Akan tetapi, elemen yang bertentangan syariah ini akan difokuskan lebih dari segi aspek peraturan-peraturan dan hukum yang

dilaksanakan dalam fasal yang berkaitan. Di samping itu, dikatakan anasir daripada Islam ini yang telah mempengaruhi teks *Undang-Undang Kedah (1893)* adalah disebabkan kemasukan awal Islam ke Kedah sejak abad ke-9M yang menjadi salah satu faktor teks ini mempunyai pengaruh daripada Islam (Wan Shamsuddin Mohd Yusof, 2006, p.167).

Teks *Undang-Undang Kedah* dapat dikategorikan kepada beberapa pecahan yang terdapat dalam fasal yang dilaksanakan. Pertama yang akan diperlihatkan adalah dari segi pemerintahan yang dilaksanakan. Mengikut kepada sejarah kesultanan Melayu Kedah, golongan pemerintah ini telah berpegang teguh kepada agama Islam kerana pengislaman golongan raja-raja Melayu dapat dilihat dalam teks *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang ditulis dan dirumikan semula oleh Mariyam Salim (Aisyah Kamaruddin, 2005, p.76). Jadi pemerintah ini mengambil rujukan daripada hadis-hadis dan al-Quran sebagai pengantar utama menyelaraskan undang-undang tersebut. Yang kedua pula adalah dari segi undang-undang adat yang ditetapkan dalam teks tersebut. Seperti yang dilihat daripada adat ini, golongan masyarakat Melayu dan juga golongan Istana mempunyai perbezaan adat yang ditetapkan. Dalam menyatakan elemen Islam yang terkandung dalam undang-undang adat ini juga akan menyatakan bahawa terdapat adat yang mempunyai pengaruh daripada Islam. Perkara ini juga menjadi satu perkara penting untuk dibincangkan dalam menyatakan lagi adat yang ditetapkan ini yang telah menjadi warisan secara turun temurun. Seterusnya ialah kategori yang ketiga, iaitu fasal yang berkaitan dengan peraturan dan hukum yang dilaksanakan. Perkara ini menjadi sangat penting dalam memastikan hukuman dilaksanakan ini sama ada mengikut kepada syarak Islam atau sebaliknya (Ibid, hlmn. 64).

Menerusi penelitian (Muhammad Termizi Hasni, 2017, p. 113) menyatakan bahawa pengaruh Islam yang terkandung dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini berikutan dakwah yang melalui Pasai telah memasuki ke negeri Kedah. Disebabkan hal itu, pelaksanaan undang-undang ini telah ditulis dalam tulisan jawi dan juga hukum serta

peraturan juga dirujuk melalui al-Quran dan juga hadis-hadis yang berkaitan, Menurut beliau juga, golongan pemerintah ini dahulunya yang digelar sebagai gelaran raja telah ditukar menjadi gelaran sebagai Sultan dan perkara ini telah membuktikan lagi pengislaman golongan Kesultanan Melayu Kedah. Pengislaman golongan kesultanan ini menjadi satu faktor bahawa *Undang-Undang Kedah (1893)* merupakan sebuah teks yang mempengaruhi elemen-elemen Islam yang terkandung.

Selain itu, elemen Islam ini adalah salah satu faktor bagi membuktikan lagi kemasukan Islam ke Kedah sejak awal abad dahulu iaitu sekitar abad ke-9M (Yahya Abu Bakar, 1991, p.171). Oleh yang demikian, teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini merupakan sebuah teks yang dipengaruhi oleh elemen Islam. Akan tetapi, terdapat beberapa versi yang telah muncul dalam teks tersebut. Antara teks *Undang-Undang Kedah (1893)* yang dikatakan mempunyai tiga versi yang berlainan iaitu Versi R.O Winstedt (1928), Versi Raffles dan juga Versi Ku Din Ku Meh. Versi yang menjadi fokus utama pengkaji adalah Versi Ku Din Ku Meh. Walaupun teks ini sudah lama penulisan semula versi ini telah ditulis semula oleh Mariyam Salim (2005). Versi yang diambil ini asalnya melalui bahasa jawi yang telah dirumikan oleh beliau. Sebagai contoh yang dikemukakan dalam versi ini adalah mengandungi puji-pujian kepada Tuhan yang telah menyatakan manusia sebagai sebaik-baik kejadian dan Khalifah dimuka bumi (*TharAllah SWT Lil Alam*). Melalui teks yang dikatakan ini juga menjelaskan tentang pengaruh Islam yang terdapat dalam *Undang-Undang Kedah (1893)* dan juga beberapa bukti yang kukuh iaitu penemuan batu bersurat yang berbahasa jawi yang telah ditemukan menurut (Yahya Abu Bakar, 1991, p.171). Tambahan pula dengan penukaran gelaran raja kepada sultan juga menjadi satu bukti tentang keislaman golongan pemerintah. Menerusi keislaman golongan ini juga akan mempengaruhi segala perkara, antaranya ialah golongan rakyat dan juga sistem dan peraturan yang mengikuti kepada pelaksanaan berasaskan Islam.

Selain itu, pengkaji ingin mengemukakan beberapa perkara yang termaktub di dalam fasal yang ditetapkan dalam teks *Undang-Undang Kedah*. Teks ini juga mempunyai elemen-elemen Islam yang terkandung yang boleh dikaitkan. Teks ini juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri iaitu tentang kemasukan Islam yang terawal di negeri Kedah yang membolehkan kaitan dengan teks tersebut. Teks asal versi ini juga mempunyai ayat yang tersusun dan agak jelas ditulis walaupun ianya menggunakan frasa-frasa klasik. Disebut tentang pelaksanaan dalam teks undang-undang ini yang mempunyai 40 fasal yang berkaitan. Walaupun sejarah teks ini tidak diketahui tarikh yang sebenar, akan tetapi dipercayai teks ini mula digunakan sejak pemerintahan Sultan Rijaludin Muhammad Shah (1035H-1062H/1625-1652). Menurut Che Ahmad (1915, p.3-5) yang mengatakan penulis yang menulis tentang undang-undang ini merupakan seorang yang sangat berkredibiliti tinggi dan juga merupakan seorang pegawai tadbir penjara Alor Setar yang digelar Ku Din. Beliau juga seorang yang sangat cekap dan berkebolehan menulis serta bertutu dalam bahasa Melayu dan Thai. Selain itu, faktor yang mempengaruhi teks undang-undang ini yang mempunyai kaitan dengan Islam adalah perkembangan agama Islam yang memasuki di Alam Melayu (Jelani Harun, 2003, p 2). Jadi versi yang ditulis semula oleh Mariyam Salim (2005) mengikut kepada versi Ku Din Ku Meh dan pengaruh Islam diterapkan dalam teks ini dan menjelaskan semua fasal yang telah dirumikan.

Karya Mariyam Salim (2005) terpilih sebagai bahan kajian iaitu *Undang-Undang Kedah (1893)* yang penuh dengan peraturan-peraturan serta undang-undang yang telah ditetapkan pada zaman kesultanan Melayu dahulu. Karya ini juga menunjukkan tentang pelaksanaan undang-undang yang berasaskan Islam dan juga versi ini merupakan satu-satunya versi yang mempunyai pengaruh daripada Islam. Berbanding dengan versi Raffles dan juga R.O Winstedt dimana versi tersebut telah pun ditulis semasa penjajahan kolonial di Kedah. Sejarah lain yang mendapati kemasukan Islam dalam teks ini dapat dilihat melalui *Hikayat Merong Mahawangsa* dan juga *At-Tarikh Salasilah*

*Negeri Kedah*. Dua sumber bertulis ini dijadikan rujukan dalam membuktikan kemasukan Islam ke negeri Kedah. Menurut Muhammad Termizi Hasni (2017, p.115) mengatakan bahawa kedatangan Islam ke Kedah dibawa oleh Sheikh Abdullah Yamani yang menyampaikan dakwahnya di Kedah yang telah membuah hasil serta membolehkan golongan Istana ini memasuki agama Islam. Selain itu, dengan pembuktian sejarah kemasukan Islam ke negeri Kedah ini menjadi satu perkara yang sangat penting dalam menyatakan bahawa teks *Undang-Undang Kedah (1893)* mempunyai pengaruh daripada Islam.

Di samping itu, dalam teks kajian yang dikaji iaitu *Undang-Undang Kedah (1893)* penulisan semula Mariyam Salim ini mendapati elemen Islam yang terkandung dalam fasal yang berkaitan. Dalam teks ini dapat memperlihatkan pecahan yang ditulis bagi membezakan jenis hukuman dan juga dari segi adat yang perlu diikuti oleh masyarakat. Seperti yang dilihat dalam fokus pengkaji mendapati tiga perkara yang berkaitan akan menjadi satu perbincangan dalam mengemukakan elemen Islam yang terdapat dalam teks tersebut. Salah satunya adalah undang-undang adat yang ditetapkan bagi golongan masyarakat dan juga rakyat berbeza. Jadi perkara ini dijadikan satu perbincangan di mana syarat yang dikemukakan memenuhi syarak Islam atau disebaliknya. Selain itu, bagi fokus pemerintahan ini juga akan membincangkan soal sistem pemerintahan yang dilaksanakan. Melalui pelaksanaan undang-undang yang ditulis dalam teks ini akan menjadi panduan dalam memperlihatkan sistem pemerintahan yang dilaksanakan. Hal ini kerana, kemasukan Islam yang dikatakan ini menjadi satu titik permulaan sistem pemerintahan berasaskan Islam di jalankan di negeri Kedah pada zaman dahulu.

Teori yang bersesuaian dengan kajian yang dibincangkan ini adalah Teori Kuasa (*Separation of Power*) yang dipelopori oleh R.P French & Bertram Raven (1959). Teori ini menerangkan tentang jenis pemerintahan yang dilaksanakan. Mempunyai beberapa jenis seperti pemerintahan paksaan, ganjaran, rujukan, sah dan juga pemerintahan

pakar. Dalam aspek paksaan dapat dilihat melalui pelaksanaan hukum yang ditetapkan kepada golongan rakyat yang dilaksanakan oleh golongan pemerintahan kesultanan Melayu. Bagi pemerintahan secara ganjaran juga dilihat melalui undang-undang ekonomi yang disebut dalam teks undang-undang ini dan juga rujukan pula adalah fokus utama kepada pengkaji dalam membincangkan soal rujukan yang dijalankan oleh golongan pemerintah kesultanan Melayu. Antara yang dibincangkan adalah rujukan tersebut diambil daripada hadis-hadis, al-Quran atau pemerintahan para nabi dan rasul serta sahabat dalam pelaksanaan pemerintahan. Perkara ini akan membuktikan sistem pemerintahan yang dijalankan sama ada mengikuti kepada Islam atau sebaliknya.

Pemerintahan yang seterusnya adalah pemerintahan sah iaitu golongan pemerintah ini sudah pun berkuasa sejak pada dahulu lagi. Bagi negeri di Kedah golongan raja ini atau dikenali sebagai Sultan sudah pun memerintah sejak dahulu lagi sebelum kedatangan kolonial. Jadi dapat disimpulkan disini golongan kesultanan Melayu Kedah sudah pun memerintah pada zaman dahulu dan juga perkara ini dibuktikan lagi dengan karya bertulis seperti *Hikayat Raja Pasai*, *At-Tarikh Salasilah Kedah dan Hikayat Merong Mahawangsa*. Teks-teks ini merupakan bukti golongan kesultanan ini sudah pun bertapak di Alam Melayu sejak dahulu lagi. Seterusnya pemerintahan pakar iaitu pemerintahan yang sudah pun berjalan dan mempunyai sistem pemerintahan yang tersendiri dalam memerintah. Pakar ini lebih kepada golongan yang mempunyai ilmu dalam mentadbir sesuatu pemerintahan.

Oleh yang demikian, fokus utama dalam prinsip Teori Kuasa ini lebih difokuskan kepada pemerintahan rujukan yang sangat bersesuaian dengan pengaruh Islam. Disebabkan oleh pengaruh Islam yang telah dibincangkan dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini menjadi satu pernyataan yang sah akan pengaruh Islam dalam teks tersebut. Selain itu, dengan pelaksanaan pemerintahan yang merujuk kepada Islam dan juga penulisan yang ditulis juga adalah melalui tulisan jawi membuktikan lagi bahawa

teks undang-undang ini mempunyai elemen-elemen Islam yang menjadi rujukan kepada golongan pemerintah.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini membicarakan mengenai elemen Islam yang terkandung dalam *Undang-Undang Kedah (1893)* yang sering diperkatakan mempunyai pengaruh dari Islam dalam pelaksanaan undang-undang tersebut. Oleh itu, kajian ini akan dimulakan daripada hipotesis yang tiada banyak kajian yang dijalankan di mana kajian yang memfokuskan kepada elemen Islam yang terkandung dalam teks undang-undang ini. Selain itu, penggunaan teori barat juga tidak banyak digunakan dalam kajian ini seperti yang dipilih oleh pengkaji dengan penggunaan teori barat yang digunakan (Abdul Halim Ali, 2013, p. 5). Namun begitu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, para pengkaji sastera memilih untuk mengkaji tajuk kajian mengenai elemen Islam yang terkandung dalam teks undang-undang ini tetapi mempunyai kekangan seperti kekurangan bahan kajian. Disebabkan kekurangan bahan kajian ini menyebabkan kajian kurang dijalankan oleh para pengkaji sastera yang lain. Hal ini dapat dilihat melalui kajian Salmah Jan Noor Muhammad (2018, p. 54) dalam sebuah kajian bertajuk "*Pengukuhan Kuasa Pemerintahan Kesultanan Melayu Kedah Dalam Undang-Undang Kedah*" yang menyatakan mengenai "kekurangan kajian-kajian terdahulu khususnya dalam bidang ini", sedikit sebanyak mendapat kesan yang negatif kepada kajian yang diusahakan pengkaji disebabkan oleh kekurangan bahan rujukan yang berkaitan. Dalam membuktikan dengan lebih lanjut tentang elemen-elemen yang terkandung dalam teks undang-undang ini.

Di samping itu, teks-teks sastera ini juga kurang mendapat sambutan para pembaca yang kebanyakan mereka hanya melebihkan kepada pembacaan yang ringan sahaja. Teks undang-undang ini pula agak bosan dibaca berbanding dengan novel-novel yang diterbitkan kerana pembacaan novel lebih seronok dan membawa penjiwaan tersebut dalam membaca karya berikut. Namun begitu, teks undang-undang ini hanya



membincangkan secara terus tentang pelaksanaan fasal-fasal yang berkaitan dan tidak mempunyai plot-plot yang ditetapkan seperti novel. Namun, teks undang-undang yang mempunyai kualiti yang tinggi ini memerlukan kefahaman yang penuh dalam mentafsir dan juga memahami penyampaian fasal-fasal tersebut. Yahya Abu Bakar (1991, p.52), beliau menyatakan bahawa golongan sastera remaja perlu mengasah dan juga berpikiran secara kritis dalam menghayati nilai-nilai kemasyarakatan dan juga betapa pentingnya teks ini pada zaman yang akan datang. Di samping itu, teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini juga hanya diterbitkan tidak banyak hasil penulisan semula Mariyam Salim (2005). Didapati teks ini tidak banyak dipasaran dan sangat terhad yang menyebabkan kekurangan pengkaji dalam mengkaji teks ini disebabkan kebolehan dalam membaca secara penuh dan juga sukar untuk mendapatkannya.

Oleh itu, kajian ini akan memasuki kelopongan di dalam dunia sastera dengan tajuk kajian “elemen Islam *Undang-Undang Kedah (1893)*” dalam teks penulisan semula Mariyam Salim (2005). Teks yang digunakan ini juga merupakan teks karya agung yang sering dijadikan bahan kajian kepada para ahli akademik iaitu *Undang-Undang Kedah (1893)* yang banyak memberikan info tentang peraturan dan undang-undang yang dilaksanakan pada zaman kesultanan Melayu Kedah pada zaman dahulu. Teks ini juga lebih dikenali sebagai teks Versi Ku Din Ku Meh yang ditulis oleh seorang pegawai pentadbiran kerajaan negeri Kedah pada zaman dahulu dan menjadi rujukan kepada sistem pemerintahan zaman kesultanan Melayu Kedah. Menurut Aisyah Kamaruddin (1893, p.76) Versi Ku Din Ku Meh ini dirumikan dan diterbitkan oleh Mariyam Salim pada tahun 2005. Di samping itu, terdapat juga kajian mengenai teks undang-undang ini iaitu “*Undang-Undang Kedah (1893): Versi Ku Din Ku Meh, Satu Pengenalan Awal dalam Konteks Pensejarah Kedah*” oleh Aisyah Kamaruddin pada tahun 1893. Namun begitu, tajuk yang dipilih oleh pengkaji juga agak berbeza dengan melihat kepada persepektif lain yang belum dikaji oleh mana-mana pengkaji tempatan. Oleh itu, di kajian ini diharapkan mampu mengisi kelopongan dalam dunia sastera.

### 1.3 Persoalan Kajian

Antara persoalan yang menjadi perhatian pengkaji dalam melakukan kajian ini ialah:

- i. Apakah pengaruh Islam terkandung dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* dalam semua aspek?
- ii. Sejauh manakah elemen Islam memberi kesan yang sewajarnya dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* karya penulisan semula Mariyam Salim?
- iii. Bagaimanakah Islam mempengaruhi dalam undang-undang adat, pemerintahan dan peraturan menerusi teks terpilih karya penulisan semula Mariyam Salim dengan mengaplikasikan Teori Kuasa dipelopori oleh John RP French & Bertram Raven.

### 1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian dalam penyelidikan ini ialah

- i. Mengenal pasti pengaruh Islam yang terkandung dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* dalam semua aspek.
- ii. Menganalisis kesan elemen islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* karya penulisan semula Mariyam Salim.
- iii. Menjelaskan pengaruh Islam dalam undang-undang adat, pemerintahan dan peraturan menerusi teks *Undang-Undang Kedah (1893)* terpilih karya penulisan semula Mariyam Salim dengan mengaplikasikan Teori Kuasa dipelopori oleh John RP French & Bertram Raven.

## 1.5 Definisi Konsep

Semasa melakukan kajian ini beberapa istilah yang berkaitan dengan konsep penyelidikan ini akan dilaksanakan. Justeru itu, bagi memastikan kajian ini mampu dilaksanakan dengan baik, konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini akan diberikan penjelasan dari sudut definisinya seperti berikut.

### i. Islam

Dari sudut bahasa, Islam adalah istilah daripada perkataan Arab yang merupakan sebuah agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW. Islam iaitu kata dasarnya bermaksud 'tunduk kepada Allah SWT'. Menurut kamus bahasa Melayu (2005, p.590) mengatakan bahawa teras Islam terdiri daripada lima perkara wajib yang diamalkan oleh setiap umat Islam. selain itu agama Islam ini juga adalah memasukkan seseorang atau mengajak memeluk agama Islam. Yang seterusnya adalah mengkhatankan dan menyunatkan dan juga menjadi patuh terhadap ajaran agama serta menyesuaikan diri dengan agama Islam.

Dari segi istilah lain mengatakan bahawa Islam dari bahasa berasal daripada perkataan 'Salama' yang membawa maksud taat dan patuh, aman dan damai serta terlepas jauh daripada kekurangan zahir dan batin. Manakala bagi dari segi istilah syarak, Islam ialah tunduk, taat dan patuh kepada perintah Allah SWT s.w.t seperti yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Manakala ihsan pula ialah berlawanan kepada kalimah *isa'ah* (berbuat jahat). Ihsan dimaksudkan dengan berbuat baik kepada manusia dan menghindari daripada melakukan perbuatan yang buruk dan jahat. Menurut Imam Nawawi, ihsan ini adalah mengerjakan ibadat kepada Allah SWT s.w.t semata-mata.

Bagi pengertian Islam menurut Abd Aziz bin Harjin (2008, p.56) menyatakan bahawa Islam perkataan daripada bahasa Arab yang membawa erti sejahtera, aman, harmoni dan dirujuk daripada istilah memberi makna menyerah diri kepada Pencipta yang Maha Berkuasa iaitu Allah SWT swt. Beribadat dengan mentauhidkannya dengan penuh keyakinan serta melaksanakan segala suruhan dan juga meninggalkan larangan yang ditetapkan. Islam juga bermaksud Agama ciptaan Allah SWT yang lengkap lagi sempurna dengan segala peraturan dan undang-undang yang merangkumi penyusunan kehidupan manusia. Islam sebagai 'Ad-din' mengajar umatnya untuk berpandangan jauh dengan mengambil kira kepentingan di dunia dan juga di akhirat secara seimbang dan seiring. Selain itu, Islam juga memberi perhatian kepada kepentingan jasmani sama ada diberi dari segi aspek kepentingan rohani, agama dan kemajuan di dunia serta di akhirat.

Di samping itu, Islam dalam konteks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini juga diperlihat dengan pensejarahan awal negeri Kedah. Hubungan perdagangan di pelabuhan Kedah pada zaman dahulu menyebabkan kemasukan Islam ke negeri Kedah. Hubungan perdagangan yang melibatkan pedagang daripada Timur Tengah khususnya Tanah Arab yang datang berdagang beserta menyampaikan dakwah. Dakwah ini telah membuah hasil apabila seorang Sheikh telah berjaya melaksanakan dakwahnya terhadap golongan istana di Kedah di mana kesultanan Melayu Kedah telah memeluk agama Islam. Perkara ini dibuktikan lagi dengan penukaran gelaran raja pada suatu ketika dahulu bertukar menjadi gelaran Sultan. Selain itu, dibincangkan juga tentang kemasukan Islam ke kedah ini melalui teks *At-Tarikh Salasilah Negeri*

*Kedah* yang menceritakan dengan lebih lanjut tentang kemasukan Islam di negeri Kedah.

Islam mempengaruhi teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini dengan pembuktian terawal penulisan teks ini yang mengandungi puji-puji kepada Tuhan yang menyatakan manusia sebagai sebaik-baik kejadian dan juga merupakan khalifah di muka bumi (*TharAllah SWT Lil Alam*). Disebabkan hal itu, Allah SWT telah menjadikan Nabi sebagai perutusanNya di muka bumi dan perantaraan dengan manusia agar dapat menyeru manusia ke jalan kebaikan. Diperturunkan Nabi untuk menyampaikan dakwah kepada umat manusia agar mengikut segala peraturan dan pantang larang yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini yang ditulis adalah berdasarkan ajaran yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Selain itu, bagi menyampaikan lagi dakwah itu golongan manusia juga diangkat martabatnya menjadi pemimpin di muka bumi dengan gelaran Raja dan juga sultan. Raja dan sultan ini menyeru kepada hukumnya tanpa ada mudarat, kebencian makah diajak agar memuliakan ajaranNya sehingga kepada pemerintahan Sultan Iskandar Dzulkarnain. Kuasa yang dipegang oleh golongan sultan ini sangat besar dan mempengaruhi seisi alam dan juga masyarakat.

Dakwah yang disampaikan oleh golongan raja dan sultan ini adalah dengan menetapkan segala larangan di dalam pelaksanaan undang-undang oleh mereka. Jadi dengan kemasukan Islam ke negeri Kedah ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi dari segi undang-undang Islam yang ditetapkan dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Islam juga mempunyai larangan dan hukum yang benar atau salah dalam peraturan

yang ditetapkan. Jadi disebabkan oleh golongan kesultanan ini beragama Islam maka sedikit sebanyak telah mempengaruhi perkara tersebut.

Akhir sekali, Islam merupakan agama keistimewaan masyarakat Melayu pada zaman dahulu terutama masyarakat Melayu Kedah. Golongan ini merupakan yang terawal menerima Islam dalam kehidupan mereka dan menggantikan kepercayaan pada zaman dahulu iaitu Hindu Buddha sebelum kedatangan Islam ke negeri Kedah. Perkara ini juga telah dibuktikan dengan beberapa teks karya agung di negeri Kedah seperti *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Raja Pasai* dan *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Melalui teks *Undang-Undang Kedah* ini juga dapat dilihat tentang pelaksanaan undang-undang berasaskan Islam. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa *Undang-Undang Kedah (1893)* merupakan sebuah teks yang terpenting di negeri Kedah pada zaman dahulu dan juga merupakan teks yang merujuk kepada Islam dalam pelaksanaan undang-undang tersebut.

ii. Undang-undang Tradisional

Definisi undang-undang mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2015, p. 1768)* ialah sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal dan direncanakan. Peraturan ini dibuat dan direncanakan oleh golongan-golongan pemerintah atau disebut sebagai kerajaan dan perlu dipatuhi oleh masyarakat berkenaan serta perlu dipatuhi oleh setiap orang. Selain itu, perkataan undang-undang ini menurut *Webster's Dictionary* mengatakan bahawa semua peraturan yang berkaitan dengan tingkah laku yang dibentuk autoriti atau adat sesuatu kaum. Perkara ini

juga disokong oleh Yaqin (1996, p.32) yang menyatakan bahawa semua pihak perlu bersetuju juga dikatakan bahawa undang-undang ini adalah satu set peraturan yang ditetapkan oleh sesuatu badan dalam mengawal tingkah laku dalam masyarakat. Hal ini disebabkan, bagi mewujudkan keharmonian dan juga keamanan sesebuah negara dan juga dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, terdapat definisi lain tentang maksud undang-undang ini oleh falsafah yang terkenal. Menurut Austin (1996, p.24) mengatakan bahawa definisi undang-undang ini adalah 'perintah yang dikeluarkan oleh satu badan yang berkuasa untuk orang-orang biasa dan dikuatkuasakan melalui hukuman'. Manakala Salmond (1998, p.2) pula menyatakan bahawa undang-undang ini bermaksud 'satu badan yang mengandungi prinsip-prinsip yang diperakui dan digunakan oleh sesebuah negara dalam pentadbiran keadilannya atau dengan kata lain undang-undang adalah peraturan yang diperakui dan dikuatkuasakan oleh mahkamah'.

Selain itu, menurut Hobbes pula berpendapat bahawa definisi undang-undang ini adalah kaedah perlakuan (roles of conduct) subjektif iaitu perkara yang perlu dipatuhi dengan sifat mendesak dan juga memaksa.

Pelaksanaan undang-undang ini juga adalah mendesak semua orang untuk mematuhi perkara-perkara yang telah ditetapkan bagi mendisiplinkan diri. Seterusnya ialah maksud daripada *Kamus Black* yang menyebut soal undang-undang ini adalah yang diperturunkan, diperintah atau dinyatakan. Satu peraturan yang dilaksanakan ini adalah kaedah di mana setiap perbuatan itu akan bergandingan antara satu sama lain yang perlu dipatuhi atau diikuti oleh rakyat tertakluk kepada

hukuman dan kesan tersebut kepada manusia. Berdasarkan definisi undang-undang ini dapat dilihat bahawa undang-undang bukan suatu perkara yang senang di takrif dan juga setiap perkara yang dibuat dalam kehidupan pasti akan bertembung dengan undang-undang.

Bagi membincangkan undang-undang dalam aspek teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini menunjukkan bahawa teks ini adalah sebuah peraturan hidup bagi semua masyarakat Melayu kedah pada zaman dahulu. Segala fasal yang menyentuh soal adat dan juga hukuman kepada jenayah merupakan peraturan yang perlu dipatuhi oleh masyarakat. Teks undang-undang ini juga bukan sahaja diturunkan kepada masyarakat malahan kepada golongan pemerintah iaitu golongan kesultanan Kedah. Termaktub juga segala perkara dan hukum yang dikenakan kepada masyarakat dan golongan pemerintah bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dan keamanan. Jadi melalui pelaksanaan undang-undang ini merupakan satu perkara penting dalam menjadi pengawalan sosial dan perlu diikuti oleh rakyat.

### iii. Adat

'Adat adalah perkataan daripada Arab iaitu *'Adah'* bermaksud kebiasaan, resam, peraturan, hukum, norma yang seringkali dijunjung oleh kelompok masyarakat. Disokong juga oleh Jalaluddin Tun sam (1660, p.13) merupakan seorang sarjana Arab yang tinggal di Aceh mengatakan bahawa perkataan 'adat' sememangnya berasal daripada bahasa Arab iaitu bermaksud cara dan juga kebiasaan. Dinyatakan dalam bahasa Melayu lama, adat merujuk kepada bahan undang-undang atau hukum adat yang merangkumi aspek sosial, politik dan juga ekonomi. Adat juga



merupakan satu norma yang diperturunkan secara turun temurun dalam masyarakat atau dalam undang-undang yang ditetapkan menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2015. p.8)*. Adat juga mempunyai beberapa jenis adat yang telah diperturunkan dalam masyarakat melayu.

Menurut Helmi Effendy (2017, p. 75) mengatakan bahawa adat ini adalah aneka kelaziman dalam sesebuah negeri berdasarkan keadaan dan situasi sesuatu masyarakat. Secara ringkasnya adat merupakan peraturan hidup sehari-hari yang sering kali dilakukan. Selain itu, ianya merupakan gagasan kebudayaan yang terdiri daripada nilai-nilai kebudayaan, norma, kebiasaan, kelembagaan dan hukum adat yang lazim dilakukan mengikut kepada sesuatu kawasan. Secara umumnya, kelaziman atau kebiasaan sesuatu perkara yang dilakukan itu sudah sebatu dalam kehidupan sesuatu masyarakat sama ada dari segi perkara yang telah ditetapkan dalam negara, kebudayaan, waktu ataupun agama. Adat ini juga diteruskan dengan adanya informasi yang disampaikan dari generasi ke generasi sama ada secara bertulis ataupun lisan.

Mengikut kepada perspektif Melayu pula, adat ini adalah maksud daripada bahasa Indonesia iaitu dari bahasa Sansekerta yang membawa erti *a (bukan)* dan *dato (sifat kebendaan)*. Dengan demikian, adat sebenarnya bersifat immaterial iaitu menghubungkan dengan hal-hal yang berkaitan dengan sistem kepercayaan (Rajo Penghulu, RM Dt, p.86, 1973). Selain itu, ada juga pandangan yang mendakwa dari segi terminologinya adat ini adalah berasal daripada perkataan Yunani di mana *a (bererti "Tidak")* dan *dat (bererti "nyata")*. Justeru itu, adat adalah

sesuatu yang tidak nyata tetapi terasa seperti norma, etika, budi dan kemanusiaan. Dalam konteks masyarakat budaya Melayu serta Alam Melayu, adat ini telah mengalami proses perkembangan yang dinamik iaitu mengandungi makna yang luas dan mendalam. Sehingga secara tradisi ianya dapat disamakan dengan kebudayaan dan juga dianggap sebagai cara hidup masyarakat (*the way of life*) bagi sesuatu masyarakat.

M.B Hooker dalam Harun Daud (1989, p.82) mengatakan bahawa istilah adat mempunyai banyak makna dalam masyarakat Melayu. Antaranya adalah adat ini meliputi dari segi budi bahasa dan undang-undang. Selain itu, dipetik juga oleh H.M Sidin (1964, p.6) pula berpendapat bahawa adat membawa maksud sesuatu kebiasaan daripada perbuatan yang diulang-ulang dan telah diterima oleh masyarakat. Hal ini kerana, masyarakat menganggap nya sebagai satu peraturan hidup yang mesti dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat. Manakala, menurut Abdullah Siddik (1975, p. 29) pula menyatakan bahawa adat tidak dapat dipisahkan daripada tatasusila yang membataskan perlakuan baik buruk anggota masyarakat dan juga meliputi hukum yang terdiri daripada norma-norma. Seterusnya maksud adat ini adalah sebuah institusi yang membentuk undang-undang iaitu mengatur norma-norma sosial, politik dan mencorakkan perlembagaan bagi pemerintah (Mohd Din Ali dalam Harun Daud, 1989, p.3). Berdasarkan kepada pendapat tersebut dapat diringkaskan bahawa adat ini meliputi undang-undang dan larangan diraja yang melibatkan hukuman ke atas pelanggar-pelanggarnya.

Dari segi konsep menurut syariah Islam pula adat ini adalah istilah daripada “urf” yang kerap diguna pakai istilah dan mempunyai hubungan erat dengan perkataan adat. Hal ini juga sokong oleh para sarjana seperti al-Nasafi, Ibn ‘Abidin dan Ibn Nujaym yang bersepakat mengatakan bahawa al- ‘urf dan al- ‘adah ini mempunyai maksud yang sama dalam konteks teori usul al-fiqh dan juga pendapat ini mendapat perhatian juga oleh para ulama (Wahbah al-Zuhayli, 1998). Di samping itu, kedua-dua instrumen tersebut juga adalah membawa maksud yang sama seperti adat iaitu amalan-amalan yang berulang kali dan diterima serta mendapat tempat yang baik di hati orang.

Di samping itu, S Nurul Asmida (2015, p25) juga menyatakan bahawa adat itu merangkumi keseluruhan cara hidup di mana ditakrifkan sebagai kebudayaan, undang-undang, sistem masyarakat, upacara atau istiadat dan juga sistem pemerintahan. Mengikut kepada perbincangan pengkaji dalam soal adat ini akan dilihat tentang pelaksanaan undang-undang yang terdapat dalam sistem adat masyarakat di mana ianya berkaitan dengan teks *Undang-Undang Kedah (1893)* yang menyentuh soal sistem sosial masyarakat Kedah.

#### iv. Pemerintahan

Dari sudut maksud, menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2015, p.1176)* menyatakan bahawa pemerintah adalah perihal memerintah ataupun disebut sebagai cara memerintah. Perkara ini berkait rapat dengan pentadbiran yang memerintah sesebuah negara maupun negeri yang berkaitan. Di samping sistem pemerintahan yang dijalankan itu tidak dibatasi oleh undang-undang yang ditetapkan.

Pemerintah berasal dari perkataan “perintah” yang ditambah awalnya “pe” dan juga penambahan akhiran “an” yang menjadi sebutan pemerintahan. Perbezaan di antara maksud “pemerintah” dengan “pemerintahan” adalah kerana pemerintah merupakan sebuah badan atau organisasi yang berkaitan di samping pemerintahan yang bermaksud perihal ataupun hal ehwal pemerintahan itu sendiri (Abdul Kadir, 2018). Secara umumnya pemerintahan ini dapat didefinisikan sebagai organisasi yang memiliki kekuasaan dalam membuat dan menerapkan hukum serta undang-undang di suatu wilayah tertentu. Selain itu, pemerintahan juga merupakan sebuah organisasi yang memiliki kekuasaan dalam memerintah suatu masyarakat politik, badan yang berfungsi dalam menjalankan kekuasaan dan kekuasaan yang dimiliki dalam membuat peraturan perundangan dalam menangani perselisihan serta membicarakan keputusan dengan memonopoli kekuasaan yang sah.

Selain itu, menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia (2013, p.132)* maksud pemerintahan diertikan sebagai sistem dalam menjalankan wewenang (kewibawaan) dan juga kekuasaan atau disebut sebagai menjalankan perintah yang memerintah. Pemerintah ini sebagai satu tanggungjawab dalam melaksanakan pemerintahan yang dijalankan bagi mewujudkan keharmonian. Manakala mengikut kepada perspektif Ramlan Surbakti seorang sarjana Indonesia mengatakan bahawa pemerintah (*government*) dari segi etimologis berasal daripada perkataan Yunani yang membawa maksud *Kubernan* atau nakhoda kapal bererti badan yang menentukan kebajikan yang diselenggarakan

untuk mencapai tujuan masyarakat-negara serta membawa kearah perkembangan.

Ndraha (2003) menyatakan bahawa pemerintah sebagai badan yang memproses penuh tentang keperluan manusia sebagai konsumen produk-produk pemerintahan. Pemerintahan itu adalah golongan yang mempunyai kuasa penuh terhadap rakyat. Pemerintahan juga adalah menjaga kebajikan masyarakat dari segi sosial dan juga pelaksanaan undang-undang juga perlu dalam mengawal perkara berikut.

Pemerintahan mengikut kepada perspektif barat disebut sebagai kerajaan (*government*) yang berasal dari bahasa Latin iaitu "*gubernare, greek kybernan*" yang bererti mengemudikan atau mengendalikan. Tujuan pemerintah meliputi kepada lima aspek iaitu *external security, internal order, justice, general welfare* dan *freedom*. Pendapat ini juga berbeza dengan S.E Finer yang menjelaskan pemerintahan mempunyai kegiatan terus menerus (*process*). Selain itu, kaedah sistem yang dijalankan juga mempunyai tiga aspek iaitu (*manner, method and system*) dari pemerintahan terhadap masyarakatnya. Selain itu, pendapat yang seterusnya adalah R. Mac Iver yang memandang pemerintahan ini dari sudut disiplin ilmu politik. Dengan menyatakan petikan dari beliau "*government is the organization of men under authority... how men can be governed*" yang bermaksud pemerintahan itu adalah sebuah organisasi dari orang-orang yang mempunyai kekuasaan... bagaimana manusia itu biasa diperintah. Jadi dapat disimpulkan secara ringkas pemerintahan menurut R. Mac Iver adalah

sebuah ilmu tentang bagaimana manusia-manusia dapat diperintah (*a science of how men are governed*).

Pemerintahan ini juga berfungsi sebagai perkembangan ilmu pengetahuan dan juga telah pun menjadi ilmu yang berdiri sendiri serta menjadi kepada cabang-cabang ilmu yang lain. Dari segi aspek pemerintahan yang dibincangkan dalam *Undang-Undang Kedah (1893)* ini adalah pelaksanaan undang-undang daripada golongan kesultanan Melayu Kedah. Selain melihat jenis pemerintahan yang dilaksanakan juga, akan dibincangkan juga dari soal Islam yang telah mempengaruhi pemerintahan tersebut. perkara-perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam melihat kepada aspek yang dipilih pengkaji.

v. Kuasa

Maksud kuasa menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2015, p.834)* adalah daya atau kemampuan. Dari segi istilah pula dapat dilihat kuasa ini keupayaan dan juga kekuatan yang dimiliki dan mampu melakukan sesuatu. Istilah kuasa ini juga mempunyai perbezaan kepada setiap individu yang melihatnya sama ada dari sudut positif ataupun negatif. Menurut Dalton (1969, p.5) menyatakan bahawa kuasa adalah potensi seseorang individu membimbing, mengarah, mengawal atau mengubah tingkah laku individu yang lain. Manakala mengikut kepada perspektif French & Raven (1962) mengatakan bahawa kuasa ini adalah kawalan ke atas tingkah laku orang lain. Dari sudut ini dapat dilihat dari segi pelaksanaan sesuatu undang-undang terhadap individu yang memiliki kuasa dalam menetapkan syarat terhadap sosial masyarakat.

Selain itu, menurut kepada Schermerhorn (1982) menyatakan kuasa itu adalah daya dalam menjadikan sesuatu itu menjadi kekuatan dalam mempertahankan dan juga memberikan kebaikan. Seperti kawalan sosial yang dikenakan oleh mana-mana golongan yang mempunyai kuasa tersebut yang mampu mewujudkan keharmonian dan juga kekuatan dalam kekuasaan tersebut. seterusnya adalah Cohen dan Fink (1980) yang menyatakan bahawa kuasa itu adalah keupayaan menggunakan pengaruh. Perkara ini dapat dilihat melalui teks *Undang-Undang Kedah (1893)*, di mana undang-undang dan pelaksanaan yang dibuat adalah untuk mempertahankan diri mereka sebagai golongan pentadbir di negeri kedah dengan menetapkan peraturan-peraturan serta hukum yang dikenakan. Disebabkan oleh kekuasaan yang mereka perolehi menyebabkan golongan ini mempunyai pengaruh yang tinggi di negeri kedah.

Kuasa ini juga terbahagi kepada lima asas kuasa iaitu kuasa sah, kuasa ganjaran, kuasa hukuman, kuasa rujukan dan kuasa pakar. Melalui lima asas ini juga telah terwujudnya satu teori falsafah iaitu Teori Kuasa yang dipelopori oleh John RP. French & Bertram Raven (1959). Kuasa sah menurut Thamhain dan Gemmil (1974) menyatakan bahawa kuasa sah merupakan kuasa kedudukan iaitu kuasa rasmi yang diperoleh oleh seseorang daripada autoriti pihak atasan melalui penyerahan kuasa. Seterusnya ialah kuasa ganjaran adalah kuasa yang berasaskan kepada keupayaan pemimpin memberikan ganjaran atau perkara positif terhadap golongan yang diperintahnya dengan menaruh harapan golongan tersebut menyokong dalam mengangkatnya menjadi golongan yang berkuasa.

Kuasa hukuman pula adalah dengan melibatkan manipulasi yang dikenakan bagi memenuhi kepentingan dan kehendak sendiri. Individu yang gagal menurut kemahuan dan kehendak tersebut akan dikenakan hukuman yang berat dan juga mampu mewujudkan rasa takut terhadap golongan yang diperintah (French & Raven, 1959). Kuasa rujukan pula dikatakan dengan melihat kepada model dan sistem yang berkaitan tentang menjadi golongan yang berkuasa. Lebih kepada bahasa yang senang adalah merujuk kepada perkara yang sedia ada dan melaksanakannya. Yang terakhir adalah kuasa pakar iaitu bergantung kepada pengetahuan dan persepsi yang diberikan. Selain daripada mempunyai ilmu yang relatif dalam menjadi golongan yang berkuasa.

## 1.6 Skop dan Batasan Kajian

### 1.6.1 Skop Dan Batasan Teks

Skop kajian ini juga dilakukan berdasarkan teks yang terpilih iaitu teks *Undang-Undang Kedah (1893)* penulisan semula Mariyam Salim. Teks ini adalah sebagai teks Versi Ku Din Ku Meh yang menjadi satu teks pilihan pengkaji. Oleh itu, pengkaji ingin memfokuskan kepada teks yang telah dipilih ini sebagai penyempurnaan kepada penyelidikan yang ingin dilakukan. Manakala analisis yang dilakukan terhadap teks ini adalah bertujuan dalam mengenal pasti elemen Islam yang terkandung dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* karya Mariyam Salim. Hal ini kerana pengkaji ingin membuktikan teks undang-undang ini mempunyai kaitan dengan kemasukan Islam pada zaman dahulu iaitu dengan keislaman kesultanan Melayu Kedah dengan kedatangan pedagang-pedagang Arab dan juga disebutkan dalam *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* tentang dakwah daripada pedagang Arab ini telah mengubah agama di negeri Kedah.



Kajian ini dibatasi dengan elemen Islam yang terdapat dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. elemen Islam yang terdapat dalam teks ini membawa kepada pembuktian pengaruh teks undang-undang ini dengan kemasukan Islam yang terawal di negeri Kedah. Di samping memperlihatkan tentang undang-undang Islam yang terkandung dalam teks undang-undang ini dan menunjukkan bahawa teks undang-undang ini adalah sebagai rujukan terhadap masyarakat di negeri Kedah juga golongan pemerintah.

#### 1.6.2 Skop Dan Batasan Teori

Selain itu, skop kajian pula adalah dengan menggunakan Teori Kuasa dipelopori oleh John R.P French & Betram Raven yang akan dilihat dari segi aspek pemerintahan, adat dan juga peraturan di negeri kedah melalui teks undang-undang yang dilaksanakan. Hal ini kerana, pemerintahan ini mampu bertahan lama dan mampu memerintah dengan baik. Selain itu, bagi batasan prinsip teori pilihan pengkaji adalah berdasarkan kepada tiga pilihan prinsip berbanding lima prinsip yang terdapat dalam Teori Kuasa ini. Prinsip pilihan pengkaji adalah dengan memilih prinsip jenis kuasa paksaan, kekuasaan rujukan dan juga kekuasaan sah antara menjadi pilihan prinsip pilihan pengkaji dalam membincangkan dengan lebih lanjut tentang perkara yang terdapat dari segi undang-undang adat, pemerintahan dan juga peraturan.

### 1.7 Kepentingan Kajian

#### 1.7.1 Dunia Akademik

Kajian ini telah memberikan sumbangan kepada pertambahan kajian terhadap teks *Undang-Undang Kedah (1893)* dalam konteks sastera di samping dapat memberikan nilai mutu dalam penyelidikan sastera. Selain itu, kajian ini mampu memberi dorongan kepada para sarjana dan pengkritik sastera dalam membuat kajian yang lebih mendalam serta menggunakan teori lain sama ada teori dalam dunia sastera barat dan tempatan atau sebaliknya. Di samping itu,

kajian ini juga menjurus kepada konteks elemen Islam dan mempunyai kesedaran mengenai kepentingan dan keperluan dalam mengembangkan lagi serta memperkasakan teks undang-undang ini dalam kesusasteraan Malaysia.

#### 1.7.2 Pengkaji Seterusnya

Seterusnya, kajian ini juga dapat memberi pengenalan kepada pengaruh Islam dalam *Undang-Undang Kedah (1893)* yang telah lama wujud. Hal ini demikian kerana catatan-catatan yang telah ditulis tentang pensejarahan negeri Kedah ini telah membuktikan bahawa negeri Kedah ini merupakan negeri terawal yang menerima Islam. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk memastikan dan mendedahkan kepada generasi kini yang semakin alpa dengan mengenai teks undang-undang ini yang merupakan karya ulung di negeri Kedah dan menjadi satu mercu tanda dalam sistem undang-undang pada masa kini. Undang-undang ini juga adalah satu manuskrip yang terpenting dalam sejarah kesultanan Melayu dan juga merupakan rujukan yang diambil dalam pemerintahan masa kini serta kemasukan Islam ke Alam Melayu ini juga merupakan satu fenomena yang penting dalam agama dan kepercayaan masa kini. Di samping mengharapkan kajian ini akan memberi tafsiran yang tepat tentang undang-undang yang dilaksanakan pada masa kini disebabkan oleh teks undang-undang yang telah pun ditulis oleh kesultanan zaman dahulu dan juga memudahkan masyarakat dalam memahami pengaruh Islam yang telah berkembang dalam teks undang-undang ini.

#### 1.7.3 Negara Dan Masyarakat

Kajian ini turut diharapkan dapat membantu dan memberikan pendedahan yang baik kepada para pelajar bagi membincangkan dan membuat kajian mengenai sebuah teks yang terpenting di Tanah Melayu ini iaitu teks *Versi Ku Din Ku Meh*. Hal ini kerana versi ini tiada pengaruh kolonial yang dimasukkan disebabkan oleh teks ini merupakan teks yang terawal dalam undang-undang

yang ditulis. Teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini bukan sahaja hanya sebuah teks undang-undang malahan merupakan kandungan teks yang mempunyai pengaruh Islam, adat yang telah diperturunkan, sistem pemerintahan yang dijalankan serta merupakan undang-undang yang dilaksanakan pada zaman dahulu ditekankan dalam teks ini di mana diharapkan dapat membantu masyarakat khususnya golongan ibu bapa, pendidik dan juga pelajar dalam memahami teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini bagi mengembangkan lagi pengetahuan dan juga melihat kreativiti golongan kesultanan Melayu Kedah dahulu. Hal ini secara tidak langsung juga mampu melahirkan golongan masyarakat yang prihatin dan juga bertamadun di samping mewujudkan semangat patriotisme mampu dilahirkan hingga dunia kesusasteraan di dalam negara Malaysia ini mampu berkembang pesat seperti negara-negara lain. Oleh itu, menerusi kajian ini juga boleh dijadikan sumber rujukan kepada pihak universiti dan menjadi panduan kepada pelajar sebagai sumber rujukan sampingan dalam pendidikan dan juga projek yang akan dibuat pada masa akan datang.

## 1.8 Pembahagian Bab

Kajian ini terdiri daripada pembahagian kepada 5 bab. Bab pertama dimulai dengan bab pendahuluan. Bahagian bab ini mengandungi kepada pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi konsep, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, pembahagian bab dan akhir sekali kesimpulan.

Seterusnya, dalam bab 2 pula memuatkan tentang kajian lepas. Hal ini di mana kajian-kajian lepas akan dilaksanakan daripada pengkaji terdahulu mengenai dan karyanya, fokus kajian lepas iaitu kajian mengenai elemen Islam dalam *teks Undang-*

*Undang Kedah (1893)* serta kajian mengenai penggunaan teori terhadap mana-mana kajian terdahulu.

Di samping itu, bab 3 pula memberi penerangan mengenai metodologi kajian dan kerangka teori. Di bahagian ini akan menjelaskan mengenai perkaitan dengan istilah yang tepat dalam Teori Kuasa yang dipelopori oleh John R.P French dan Bertram. Di bahagian bab ini juga akan menerangkan mengenai cara dan kaedah bagaimana sesebuah kutipan data-data diperoleh. Teknik analisis data kualitatif, iaitu dari bacaan (*memoing*), penerangan, pengelasan dan pentafsiran akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bab tiga ini.

Bab 4 pula akan menerangkan mengenai perbincangan kajian iaitu di bahagian analisis yang pertama iaitu pengaruh Islam yang terkandung dalam teks *Undang-Undang Kedah* iaitu akan menerangkan pengaruh-pengaruh Islam yang wujud dari segi aspek adat, pemerintahan dan juga hukum atau peraturan dalam teks kajian terpilih iaitu teks *Undang-Undang Kedah (1893)* versi Ku Din Ku Meh penulisan semula Mariyam Salim berlandaskan penggunaan Teori Kuasa oleh John R.P French dan Bertram Raven dimana dilihat dari segi pemerintahan, adat dan peraturan.

Analisis kajian yang seterusnya iaitu mengenai elemen Islam yang memberi kesan yang sewajarnya dalam teks undang-undang ini seperti menjadi pecahan dari segi aspek ekonomi, masyarakat dan negara. Kesemua analisis ini akan berdasarkan penggunaan teori yang digunakan iaitu Teori Kuasa oleh John R.P French dan Bertram Raven di samping mengaitkan dengan teks pilihan iaitu hasil karya penulisan semula Mariyam Salim yang bertajuk *Undang-Undang Kedah (1893)*.

Bab terakhir adalah merupakan bab 5 iaitu bab rumusan dan kesimpulan kepada keseluruhan kajian. Di samping itu, cadangan kajian juga turut dianjurkan di dalam bab ini. seterusnya bab ini dapatan kajian mengenai pengaruh Islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* akan dinilai sama ada memberikan impak positif atau negatif.

### 1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya adalah bab satu merupakan penulisan bagi pendahuluan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, definisi konsep Islam dalam *Undang-Undang Kedah (1893)*, skop dan batasan kajian dan kepentingan kajian. Pendahuluan ini juga telah membuat pendedahan yang padat kepada semua yang berkaitan dengan tajuk bagi membantu mengukuhkan lagi kajian yang ingin dilakukan nanti. Oleh itu, kajian "*Elemen Islam dalam teks Undang-Undang Kedah (1893)*" akan memberi serta membantu para pengkaji untuk melakukan kajian mereka dan diharapkan kajian yang dilakukan berpanjangan dengan menggunakan kepelbagaian teori atau isu lain yang boleh dikupas dengan lebih lagi. Oleh yang demikian, pendahuluan ini merupakan satu permulaan yang berimpak dan kukuh kepada pembaca dan pengkaji-pengkaji pada masa akan datang dan boleh dijadikan sumber rujukan dalam ingin mengupas tentang isu yang lain pada masa akan datang.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

1. Abdul Aziz Mohd Ariff (1997) melalui latihan ilmiah bab kedua kajiannya yang bertajuk "*Undang-Undang Islam di Kedah Sebelum Penjajahan Inggeris: satu Penilaian Sejarah*". Di dalam kajiannya ini menerangkan mengenai kedudukan undang-undang Islam di Kedah sebelum dijajah oleh Inggeris. Diperkatakan juga negeri Kedah yang menjadi sebuah negeri terawal yang menerima pengaruh daripada Islam sejak awal 903H. Hasil kajian ini juga menjelaskan sejauh mana undang-undang Islam yang dilaksanakan di Kedah bertepatan dengan kehendak dan juga mengikut syariat Islam. Hal ini kerana

perlaksanaan undang-undang perlu berhubung kait dengan syariat-syariat dan peraturan yang ditetapkan di dalam Islam. Dijelaskan juga beberapa dapatan kajian yang hanya diambil beberapa kod sahaja yang menjadi asas kepada panduan rujukan kerana pelaksanaan undang-undang Islam di Kedah ini mempunyai kaitan dengan kemasukan Islam di Kedah. Melalui kajian yang pernah dihasilkan ini menjadi satu rujukan kepada pengkaji dalam melihat aspek yang berkaitan dengan hukum atau undang-undang. Dalam kajian yang saya lakukan memfokuskan kepada undang-undang Islam selepas penjajahan British dimana peraturan dan undang-undang tersebut ditulis dengan lebih jelas berbanding dengan kajian yang dilakukan oleh Abdul Aziz Mohd Ariff (1997). Disebabkan oleh sebelum penjajahan British, undang-undang Islam di Kedah ini lebih merujuk kepada Versi R.O Winstedt berbanding kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji iaitu Versi Ku Din Ku Meh.

2. Has Zainah Mahat (1990) melalui kajian ilmiahnya di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, berjudul "*Sejarah Perundangan di Kedah Sehingga 1957*". Di dalam kajiannya ini beliau memasukkan undang-undang yang diamalkan di Kedah iaitu *Undang-Undang Kedah Versi R.O Winstedt* sahaja dan tidak menerangkan tentang lebih lanjut. Walaupun *Undang-Undang Kedah* ini mempunyai beberapa versi selain daripada Versi R.O Winstedt terdapat juga *Versi Ku Din Ku Meh* dan juga *Raffles*. Dalam kajian ini juga beliau memasukkan segala undang-undang yang diamalkan di Kedah sejak awal zaman dalam memperlihatkan tentang kekuatan undang-undang ini yang menjadi satu fenomena yang sangat besar kepada Kedah kerana kekuasaan undang-undang ini diamalkan sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Kajian hanya menjelaskan tentang sejarah perundangan di Kedah sebelum kemerdekaan. Pengkaji mengkaji juga tentang sejarah perundangan tersebut kerana Versi R.O Winstedt dan Versi Ku Din Ku Meh seakan sama dalam perundangan yang dilaksanakan. Akan tetapi, elemen Islam yang dalam setiap versi walaupun terdapat yang sama dan ada juga yang berbeza

disebabkan Versi Ku Din Ku Meh ini sistem perundangan yang dilaksanakan mempunyai lebih elemen Islam berbanding Versi R.O Winstedt.

3. Selain itu, kajian dalam memperlihatkan budaya masyarakat Kedah pula dapat dilihat melalui kajian yang bertajuk "*Hukum Kanun Kedah: Kajian dari Sudut Politik, Ekonomi dan Sosio-Budaya*" (Wan Syamsuddin Wan Yusof, (1992). Kajian ini menunjukkan tentang pembahagian yang terdapat di dalam *Undang-Undang Kedah* serta mengupas lebih lanjut tentang pelaksanaan yang dilaksanakan di dalam undang-undang ini. Justeru itu, dapat dilihat bahawa melalui kupasan mengenai kehidupan masyarakat Kedah juga ada dikaitkan dengan undang-undang yang dilaksanakan. Undang-undang tersebut menjadi panduan kepada masyarakat dalam hidup dengan lebih harmoni. Gambaran umum tentang sosio budaya masyarakat kedah dan juga sosio ekonomi dijelaskan dengan lebih lanjut dalam kajian beliau. Sosio-budaya ini melihat kepada undang-undang adat yang terkandung dalam *Hukum Kanun Kedah* dimana undang-undang tersebut diambil rujukan daripada *Undang-Undang Kedah*. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah melihat kepada elemen Islam yang terdapat dalam undang-undang adat yang terkandung di dalam Undang-Undang Kedah. Di samping itu, pengkaji hanya fokus dari sudut Sosio-Budaya dan Politik sahaja berbanding kajian ini yang mengkaji dari sudut ekonomi sekali. Fokus yang berkaitan itu akan dilihat pula dalam aspek Islam yang terkandung dalam sudut kajian tersebut.
  
4. Seterusnya ialah kajian mengenai manuskrip, kajian daripada Mohd Radzi (2000) yang berjudul "*Undang-Undang Kedah: Satu Analisa Teks*". Dalam kajian ini fokus utama kajian ialah *Undang-Undang Kedah*, namun dikaitkan juga kajian ini dengan mengulaskan juga mengenai Hukum Kanun Melaka dan undang-undang dibawah pengaruhnya iaitu Hukum Kanun Pahang dan Undang-Undang Johor yang dibincangkan juga oleh kajian yang dilakukan beliau. Dikatakan juga dalam kajian tentang hubungan kait yang dibincangkan dalam senarai jenis undang-undang diatas

mempunyai hubungan dan persamaan yang tersendiri. Dapat dilihat dari segi adat dan hukum yang dilaksanakan kesemua senarai undang-undang diatas yang mempunyai persamaan dalam beliau menganalisis teks Undang-Undang Kedah dan juga mempunyai hubungan kait antara pelaksanaan undang-undang berkenaan. Melalui kajian ini menjadi satu rujukan kepada pengkaji dalam menganalisis teks *Undang-Undang Kedah* dari segi pertambahan fokus tentang elemen Islam yang terkandung. Hal ini kerana, *Undang-Undang Kedah* dikatakan mempunyai kaitan dengan kemasukan awal Islam di Kedah. Penambahan fokus elemen Islam ini menjadi pengkaji akan melihat kepada elemen Islam yang terkandung dalam adat, pemerintahan dan undang-undang atau peraturan.

5. Mahani Musa (2003), tajuk kajian "*Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1311H/1893M)*". Kajian ini merupakan perintis utama dalam membuka jalan bagi mengkaji undang-undang versi ini. Hal ini kerana, dalam kajian yang dilakukan oleh beliau menggambarkan proses kelahiran undang-undang dan juga dengan kemasukkan beberapa kod yang berkaitan dengan Islam. Undang-undang versi ini merupakan versi yang sangat sesuai dalam pelaksanaan kajian dalam memperlihatkan kaitan Islam dalam pelaksanaan Undang-Undang Kedah. Berbanding dengan dua versi lagi iaitu versi Rafles dan juga R.O Winstedt yang kurang memasukkan beberapa kod yang mempunyai perhubungan dengan undang-undang Islam. Jadi versi Ku Din Ku Meh ini merupakan satu versi yang sangat penting dalam memperlihatkan pengaruh Islam dalam pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Sorotan kajian yang telah dilakukan ini menjadi satu titik permulaan pengkaji mengkaji undang-undang Versi Ku Din Ku Meh ini. Akan tetapi, perbezaan yang dilakukan oleh pengkaji adalah menyenaraikan elemen Islam yang terkandung dalam 3 aspek utama iaitu adat, pemerintahan dan juga peraturan yang dilaksanakan.



6. Kajian yang seterusnya ialah kajian yang berjudul "*Analisis Teks Undang-Undang Kedah Berasaskan Perspektif Hukum Islam*" daripada Allauwiyah Jusoh (2006). Dalam kajian ini perspektif dari segi hukum fiqh diberi tumpuan khusus dalam undang-undang Islam di samping juga menyentuh kepada pengenalan serta latar belakang *Undang-Undang Kedah* secara ringkas. Kajian yang dilakukan adalah untuk melihat kepada unsur-unsur Islam yang terdapat dalam undang-undang tersebut. Hal ini kerana, dikatakan Undang-Undang Kedah ini mempunyai pengaruh daripada Islam sebelum semasa pelaksanaan undang-undang ini. Selain itu, dikatakan juga pengaruh daripada Arab pada zaman dahulu juga menjadi salah satu faktor kajian terhadap unsur Islam ini dilakukan. Kajian ini akan dijadikan rujukan kepada pengkaji dalam kajian yang hendak dilakukan. Akan tetapi, perbezaan kajian ini adalah dengan melihat segala faktor elemen Islam yang terdapat dalam *Undang-Undang Kedah*. 3 faktor yang berkaitan iaitu dari segi adat, pemerintahan dan pelaksanaan peraturan yang dititik beratkan dalam kajian pengkaji.
7. Khoo Kay Jin (2001), kajiannya yang bertajuk "*Undang-Undang Kedah Dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah*". Kajian ini memfokuskan kepada aspek pertanian iaitu tanah yang dikatakan peruntukan yang melibatkan kawasan tanah bendang, berhuma, berdusun. Perkara-perkara ini menjadi persoalan kepada kajian ini dalam mengetahui hak milik tanah yang berkaitan. Selain daripada menjadi rujukan kepada hak pemilik jika berlakunya kematian, pembinaan dan sebagainya. Jadi dikatakan juga dalam sistem undang-undang ini mempunyai satu perkara yang lengkap dalam menentukan semua perkara yang berkaitan dengan tanah hak milik. Selain itu, kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji adalah melihat dari segi aspek pemerintahan yang dilaksanakan yang berkaitan dengan elemen Islam. Melalui rujukan yang dilihat dalam kajian Khoo Kay Jin ini hanya melihat dari segi aspek

Pengawalan Hak Milik Tanah iaitu peraturan yang ditetapkan oleh golongan pemerintah. Jadi, kajian yang telah dilakukan ini berbeza dari segi fokus kajian iaitu elemen Islam dalam peraturan yang dilaksanakan oleh golongan pemerintah berbanding kajian yang dilakukan oleh Khoo Kay Jin ini hanya menerangkan terus peraturan yang dilaksanakan tersebut.

8. Seterusnya ialah kajian daripada Siti Fairus Binti Kamarudin (2015) yang berjudul "*Manuskrip Undang-Undang Kedah: Kajian Unsur-Unsur Etnografi Islam*". Dalam kajian ini memfokuskan kepada penggunaan gaya bahasa Arab yang diguna pakai dalam Undang-Undang Kedah. Justeru itu, kajian ini juga membincangkan secara ringkas terhadap persoalan-persoalan yang dilakukan yang terdapat di dalam undang-undang tersebut. Kajian ini juga lebih memfokuskan kepada Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh yang menjadi rujukan utama kajian tersebut. Hal ini disebabkan oleh undang-undang versi ini terdapat banyak penggunaan gaya bahasa Arab dan juga ayat-ayat tersebut digunakan dalam al-Quran. Kajian ini berbeza dengan fokus kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu dengan memperlihatkan elemen Islam yang terkandung dalam undang-undang adat, pemerintahan dan peraturan yang dilaksanakan. Seperti unsur etnografi ini ianya hanya melihat kepada gaya bahasa Arab yang diguna pakai dalam penulisan *Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh*. Kajian yang menjadi perkara penting dalam melihat kepada elemen Islam berbanding kajian yang telah dihasilkan oleh Siti Fairus Binti Kamaruddin (2015).

9. Nor Afiza Mohd Nasir (2018) jurnal bahasa Melayu jilid 9, bertajuk "*Pengukuhan Kuasa Pemerintahan Kesultanan Melayu Kedah Dalam Undang-Undang Kedah*". Kajian ini melihat kepada aspek pemerintahan kesultanan Kedah dalam pelaksanaan undang-undang di negeri tersebut. Hal ini kerana, dikatakan golongan pemerintah ini melaksanakan undang-undang tersebut bertujuan untuk mengekalkan kedudukan

sebagai raja di Kedah. Undang-undang tersebut merupakan satu manipulasi daripada golongan pemerintah kepada golongan rakyat agar tidak memberontak dan patuh dengan segala hukum dan peraturan yang ditetapkan. Kecekapan golongan pemerintah ini menjadi satu perkara yang menarik untuk dibincangkan kerana pelaksanaan undang-undang dan peraturan yang memberikan kelebihan kepada mereka yang menjadi satu faktor bagi golongan pemerintah ini mengekalkan kedudukan sebagai raja di negeri Kedah. Perkara ini akan dijadikan rujukan kepada pengkaji terhadap pemerintahan yang dilakukan pada zaman Kesultanan Melayu Kedah dalam *Undang-Undang Kedah*. Perbezaan dari segi kajian yang dilakukan pengkaji adalah dengan tambahan elemen Islam yang terkandung dari segi pemerintahan yang dilaksanakan dalam *Undang-Undang Kedah*. Jadi perkara tersebut akan menjadikan satu perkara yang lebih menarik yang dihasilkan oleh pengkaji tanpa ada persamaan yang dilakukan, bukan sahaja dari segi pemerintahan malahan dari segi adat dan hukum atau peraturan yang dilaksanakan juga akan dilihat melalui perspektif Islam.

10. M.B Hooker (1972) menulis tentang "*Peraturan Adat dalam Melayu Moden: Pemilikan Tanah, Kerajaan Tradisional dan Agama*". Dalam penulisan ini menyentuh tentang pengaruh dalam Islam yang menjadi rujukan kepada Undang-Undang Kedah. Sistem pemerintahan yang dilaksanakan pada zaman dahulu adalah berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan di dalam Islam dan menjadi satu rujukan yang sangat penting. Selain itu, soal adat dan juga pemilikan tanah juga turut dibincangkan secara ringkas dalam penulisan beliau. Jadi daripada penulisan ini menjadi kan satu rujukan dalam menganalisa Undang-Undang Kedah ini yang dikatakan mendapat pengaruh daripada Islam. Akan tetapi, berbeza dari sudut yang telah dilaksanakan oleh kajian tersebut iaitu dalam pemilikan tanah dan agama. Dari segi agama telah pun dipilih oleh pengkaji iaitu melihat kepada perspektif Islam yang menjadi fokus utama. Hal ini akan menjadikan

kajian pengkaji berbeza dari segi perkara tersebut dan juga ada beberapa perkara yang akan dijadikan sebagai rujukan bagi menjelaskan fakta yang berkaitan.

11. Halimah Hassan (tiada tarikh) dalam kertas kerjanya yang berjudul "*Sahsiah Jati Diri Negara Bangsa Dalam Manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah*". Kajian ini membincangkan dari segi aspek ejaan jawi dan juga sintaksis yang terdapat di dalam Undang-Undang Pelabuhan Kedah. Undang-undang pelabuhan Kedah ini juga dijadikan rujukan kepada golongan pedagang. Ketetapan yang ditetapkan dalam undang-undang ini mendapati penggunaan bahasa jawi yang diguna pakai. Hal ini disebabkan oleh, pedagang-pedagang yang datang ke pelabuhan Kedah kebanyakannya daripada pedagang Arab. Jadi kertas kerja yang dijalankan ini bagi memperlihatkan penggunaan bahasa jawi disamping juga menerangkan tentang sintaksis yang terdapat dalam undang-undang tersebut. Kajian yang telah dijalankan ini adalah melihat kepada perspektif perdagangan iaitu undang-undang yang telah ditetapkan dalam pelabuhan. Pengkaji tidak akan melihat kepada perkara tersebut kerana perkara adalah sebahagian undang-undang ekonomi yang dilaksanakan. Fokus pengkaji adalah dengan melihat kepada *Undang-Undang Kedah* dengan memperjelaskan elemen Islam yang terdapat dari segi faktor yang telah dipilih. Hal ini kerana, dari segi undang-undang perdagangan tidak dapat diperjelaskan fakta yang lebih lanjut dengan elemen Islam kerana mempunyai analisis yang sedikit.

12. Kajian yang seterusnya ialah kajian daripada Zarirah Haji Mahat (1996) yang berjudul "*Undang-Undang Kedah: Satu Analisis Aspek Ejaan Jawi, Morfologi dan Sintaksis*". Kajian yang dilakukan ini sama seperti yang dilakukan oleh Halimah Hassan akan tetapi berbeza kerana beliau memilih Undang-Undang Perbuatan Dato' Besar Dahulu iaitu salah satu versi Undang-Undang Kedah sebagai kajian dan juga berbeza daripada Undang-

Undang Pelabuhan Kedah. Dalam kajian ini juga membincangkan tiga perkara yang dikehendaki secara ringkas iaitu aspek ejaan Jawi, morfologi dan juga sintaksis. Kajian ini bertujuan bagi menampakkan pengaruh daripada Islam yang digunakan di dalam Undang-Undang Kedah. Selain itu, pengkaji hanya mengambil petikan dari *Undang-Undang Kedah* sahaja untuk dijadikan panduan kepada pengkaji. Disebabkan oleh tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji iaitu dengan memperlihatkan perspektif Islam dalam *Undang-Undang Kedah*. Berbeza dengan kajian yang telah pun dilakukan oleh Zarirah Haji Mahat (1996) yang memfokuskan kepada aspek ejaan jawi dan juga perkara yang lain. Bagi aspek ejaan jawi hanya akan diterangkan dalam pengaruh kemasukan Islam dalam *Undang-Undang Kedah* yang membolehkan undang-undang tersebut menjadi fokus kepada kajian terhadap elemen Islam.

13. Jelani Harun (2008) kajiannya yang bertajuk "*Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*". Kajian ini menyatakan bahawa undang-undang yang dilaksanakan oleh kesultanan Melayu mempunyai kaitan dengan sejarah persuratan dan tamadun masyarakat Melayu. Dalam kajian ini juga beliau menyentuh tentang Undang-Undang Kedah yang dikatakan mempunyai kaitan dengan sejarah penemuan batu nisan yang dikaitkan di Kedah. Melalui penemuan batu nisan ini dapat dilihat bahawa undang-undang yang dilaksanakan ini mengikut kepada prinsip-prinsip Islam. Dalam mengukuhkan kuasa golongan pemerintah ini dengan pelaksanaan undang-undang perlu juga melihat kepada sejarah dan juga tamadun masyarakat Melayu iaitu masyarakat Melayu di Kedah ini antara yang terawal menerima pengaruh daripada Islam. Kajian ini akan dirujuk dari segi undang-undang pemerintahan yang telah dijalankan. Akan tetapi dari segi elemen Islam dalam undang-undang pemerintahan yang dikaji tidak mempunyai elemen Islam yang dikatakan. Jadi pengkaji akan mengkaji elemen Islam dalam undang-undang pemerintahan yang dijalankan. Sistem pemerintahan yang dijalankan dalam *Undang-Undang Kedah* akan menjadi satu fokus

utama dalam kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji. Jadi dengan penambahan elemen Islam yang akan dikaji ini akan menampakkan lagi fakta tentang *Undang-Undang Kedah* yang dikatakan mempunyai pengaruh daripada Islam sama ada dari segi pemerintahan, adat dan juga hukum atau peraturan.

14. Selain itu, Jelani Harun (2008) kajiannya juga dalam jurnal *Sari* jilid ke-26 yang bertajuk "*Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London*". Dalam makalah ini dapat dilihat para sarjana daripada Inggeris menarik minat mereka dalam penulisan adat-adat Melayu. Dalam minat ini telah mewujudkan beberapa versi Undang-Undang Kedah iaitu seperti Undang-Undang Kedah Versi Raffles dan juga R.O Winstedt. Dua versi ini ditulis oleh sarjana Inggeris dalam melihat tentang undang-undang yang diwujudkan dan menjadi penterjemahan. Selain itu, kedua-dua versi ini tidak memaparkan tentang pengaruh-pengaruh Islam yang terdapat seperti Versi Ku Din Ku Meh. Jadi kajian pengkaji yang akan dilakukan oleh pengkaji hanya memfokuskan kepada Versi Ku Din Ku Meh. Hal ini kerana, versi berkenaan sangat terkenal dengan pengaruh Islam dan juga beberapa kajian yang telah dijalankan sama ada dari segi etnografi yang terdapat dalam undang-undang tersebut mahupun perkara yang berkaitan dengan Islam telah pun dibuat oleh para sarjana. Jadi lebih efektif kepada pengkaji dalam memilih versi tersebut kerana memudahkan dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam juga terdapat dalam Versi Ku Din Ku Meh.

15. Nurul Ain Binti Ahmad Sani (2013), kajiannya yang bertajuk "*Islam Versus Adat dalam Undang-Undang Kedah*". Kajian ini memperlihatkan tentang adat yang diturunkan kepada generasi ke setiap generasi untuk mengamalkannya. Dalam pelaksanaan adat juga terdapat di dalam Undang-Undang Kedah, bertujuan untuk dijadikan panduan kepada masyarakat dalam undang-undang adat yang dilakukan. Selain itu, kajian ini juga mempersoalkan tentang adat diutamakan berbanding dengan agama iaitu Islam.

Dibincangkan juga tentang adat yang ditetapkan itu mengikut kepada ajaran Islam dan ada juga yang tidak mengikut ajaran Islam. Perkara ini dibincangkan secara ringkas dalam kajian yang dilakukan oleh beliau dalam memberikan penjelasan yang jelas tentang adat yang mengikut kepada al-Quran dan juga mengaitkan beberapa undang-undang lain. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji juga ada memfokuskan kepada undang-undang adat yang terdapat dalam *Undang-Undang Kedah*. Akan tetapi, elemen Islam yang terdapat dalam undang-undang adat tersebut akan dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Kajian yang telah dijalankan ini juga akan dijadikan rujukan kepada pengkaji di mana kajian tersebut juga telah membuat perbandingan di antara adat dan islam berbanding pengkaji yang mahu menganalisis secara langsung terhadap elemen Islam yang terdapat dalam adat dalam *Undang-Undang Kedah*.

16. Wan Shamsudin Bin Mohd Yusoff (Tiada Tarikh) kertas kerjanya yang bertajuk *Hukum Kanun Kedah: Satu Penelitian Mengenai "Hukum Kanun Dato' Kota Setar"*. Dalam kertas kerja ini menyatakan bahawa sejarah Kedah yang menjadi satu sejarah yang terpenting dalam pelaksanaan undang-undang. Selain itu, undang-undang ini juga dikatakan menjadi panduan kepada beberapa cabang lagi undang-undang lain seperti Hukum Kanun Melaka. Kertas kerja ini juga memasukkan teks daripada Al-Tarikh Al Salasilah Negeri Kedah. Teks tersebut menjelaskan Kedah secara lebih terperinci dan merupakan satu teks yang menerangkan tentang asal-usul Kedah serta segala peraturan, adat dan pemerintahan di negeri Kedah pada zaman dahulu. Kajian ini lebih kepada penjelasan tentang salah silah yang terdapat dalam *Undang-Undang Kedah* dan juga perkara ini menjadi rujukan kepada pengkaji dalam memperlihatkan perkara tersebut. Berbeza dengan kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji dengan menerapkan unsur Islam yang terdapat dalam *Undang-Undang Kedah* dan juga akan memberikan penjelasan tentang salah silah Kedah serta *Undang-Undang Kedah*.

17. French, J.R.P & Raven, B (1959) dalam penulisan yang bertajuk "*The Bases of Social Power*". Dalam penulisan ini menyatakan tentang kekuasaan politik dalam mengekalkan kedudukan mereka. Penulisan ini juga telah mewujudkan satu teori iaitu Teori Kuasa di mana ianya satu kaedah yang diguna pakai dalam sesebuah pentadbiran dahulu bagi mengekalkan kedudukan mereka sebagai pemerintah. Selain itu, penulisan ini juga menyenaraikan beberapa jenis kekuasaan yang terdapat di dalam Teori Kuasa. Antaranya ialah kekuasaan ganjaran, kekuasaan paksaan, kekuasaan sah, kekuasaan rujukan dan akhir sekali ialah kekuasaan pakar. Semua jenis kekuasaan ini diguna pakai dalam sesebuah pentadbiran bagi menampakkan kemampuan sebuah politik tersebut. Teori ini akan dijadikan penerapan teori dalam kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji bagi menampakkan lagi sistem pemerintahan yang dijalankan. Sama ada ianya memfokuskan kepada Islam atau sebaliknya. Hal ini kerana, fokus kajian yang dijalankan pengkaji adalah melihatkan elemen Islam yang terdapat dalam pemerintahan. Seterusnya, bagi menjelaskan lagi fakta yang dilakukan oleh pengkaji memperjelaskan prinsip yang terdapat dalam Teori Kuasa ini. Bertujuan untuk menjelaskan elemen Islam yang terkandung dalam kajian yang dilakukan.
18. Salmah Jan Noor Muhammad (2018) dalam kajiannya yang bertajuk "*Penguatan Kuasa Pemerintahan Kesultanan Melayu Kedah Dalam Undang-Undang Kedah*". Dalam kajian ini memaparkan tentang bagaimana golongan pemerintah ini mengekalkan kedudukan mereka sebagai raja di Kedah. Kajian ini juga menggunakan Teori Kuasa sebagai alat utama penerapan teori bagi memperlihatkan jenis-jenis kekuasaan yang dijalankan disebalik Undang-Undang Kedah ini. Justeru itu, melalui penerapan teori yang digunakan ini akan menampakkan kekuasaan jenis apa yang golongan raja ini gunakan. Dibincangkan juga secara ringkas dalam kajian tentang kawalan-kawalan sosial dan peraturan-peraturan yang dikenakan terhadap golongan rakyat dan sangat kebal hukuman itu dikenakan kepada golongan raja atau pemerintah. Kajian ini akan



dijadikan rujukan kepada pengkaji dalam memperlihatkan kuasa pemerintahan yang terdapat dalam *Undang-Undang Kedah*. Selain itu, penambahan dari segi adat dan juga peraturan yang dilaksanakan juga akan menjadi fokus kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Dari segi elemen Islam akan dititik beratkan dalam kajian bagi memperjelaskan lagi tentang elemen Islam yang terdapat dalam kuasa pemerintahan yang dijalankan. Hal ini kerana, *Undang-Undang Kedah* yang ditulis mempunyai pengaruh Islam sejak dahulu lagi. Jadi perkara ini akan menjadi satu fokus utama pengkaji dalam mengkaji perkara tersebut.

19. Norhasnira Ibrahim & Faisal Ahmad Shah (2002), dalam tesis yang dihasilkan bertajuk "*Pengaruh Islam dalam Penulisan Manuskrip Melayu: Gambaran daripada Manuskrip Terpilih*". Dalam tajuk ini memfokuskan kepada manuskrip Melayu yang telah wujud sejak zaman pemerintahan kesultanan Melayu terdahulu. Dalam kajian yang dilakukan ini juga memperlihatkan Manuskrip Undang-Undang Kedah juga dinyatakan secara ringkas tentang pengaruh Islam dalam undang-undang tersebut. Selain itu, dikatakan juga manuskrip Undang-Undang Kedah yang berasal daripada bahasa Jawi secara asalnya menurut salasilah Undang-Undang Kedah. Undang-undang lain juga seperti Hukum Kanun Melaka dan sebagainya dibincangkan juga di dalam kajian ini bagi menampakkan tentang asal usul manuskrip terdahulu yang dikatakan mempunyai pengaruh daripada Islam. Kajian terhadap pengaruh Islam ini akan dijadikan panduan kepada pengkaji dalam mengkaji tajuk kajian yang dipilih. Akan tetapi, dari segi pemilihan manuskrip sedikit berbeza dengan kajian yang telah dilakukan. Pengkaji memfokuskan sepenuhnya kepada *Undang-Undang Kedah* dan tidak memfokuskan kepada manuskrip yang lain seperti kajian yang telah dilakukan ini.
20. Amirudin Putera bin Zainol Abidin (2011) dalam tesisnya yang berjudul *Kedudukan "Dhawi Al-Arham dalam Sistem Pembahagian Pusaka Islam: Satu Kajian di Negeri*

*Kedah Darul Aman*". Dalam kajian ini memperlihatkan sistem faraid ni negeri Kedah. Selain itu, tesis ini juga menyenaraikan beberapa fasal yang berkaitan dengan faraid mengikut al-Quran, mahkamah dan juga undang-undang negeri Kedah. Dalam kajian ini juga menulis secara ringkas tentang sejarah perkembangan sistem faraid di negeri Kedah. Dibawah penulisannya juga menceritakan tentang peranan Kesultanan Kedah di dalam sistem faraid ini yang merujuk kepada buku Undang-Undang Kedah hasil daripada penulisan semula oleh Maryam Salim. Jadi dengan merujuk kepada buku tersebut dapat dilihat di dalam sistem faraid ini golongan kesultanan juga mempunyai peranan yang tersendiri di negeri Kedah ini. Sistem farid ini lebih kepada undang-undang adat yang terkandung dalam *Undang-Undang Kedah* yang hendak dikaji. Perbezaan kajian yang pengkaji hendak lakukan adalah undang-undang adat dan jugas menyenaraikan perkara yang mempunyai elemen Islam dan bukan hanya memfokuskan kepada sistem faraid yang ditetapkan.

21. Owens (1998) dalam penulisannya yang bertajuk "*Organizational Behaviour in Education*". Beliau menyenaraikan lima jenis sumber kuasa yang dikatakan oleh French & Raven. Dalam senarai itu dapat dilihat beberapa jenis tersebut ialah kuasa sah, kuasa ganjaran, kuasa paksaan, kuasa rujukan dan kuasa pakar. Dalam penulisan beliau juga berpendapat bahawa pemimpin yang memimpin tidak lari daripada penindasan yang dilakukan dan juga ada juga tidak melakukan penindasan merujuk kepada pihak-pihak yang tertentu. Tambahan beliau juga, senarai yang diaplikasikan ini akan menjadi rujukan kepada pemimpin dalam memerintah dan jika mengikuti kepada konsep tersebut akan membolehkan pemimpin tersebut berjaya dalam pemerintahan. Senarai sumber Teori Kuasa ini menjadi satu rujukan kepada pengkaji dalam memperlihatkan sistem pemerintahan yang dilaksanakan dalam *Undang-Undang Kedah*. Prinsip tersebut akan diambil oleh pengkaji dan seterusnya akan memperlihatkan dari segi elemen Islam pula.

Hal ini kerana, elemen Islam ini bertujuan untuk memperlihatkan lebih lanjut tentang pemerintahan yang dilakukan sama ada berlaku penindasan atau sebaliknya.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI

#### 3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dan juga pendekatan kajian yang digunakan bagi memantapkan lagi kajian ini. Di dalam kajian ini juga, akan diterangkan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi mengenalpasti elemen-elemen Islam yang terdapat di dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* karya penulisan semula Mariyam Salim. Selain itu, kajian ini juga adalah berbentuk deskriptif kualitatif bagi menganalisis maksud-maksud yang tersirat yang mempunyai kaitan dengan elemen Islam yang terkandung dalam teks undang-undang tersebut. Aspek yang digunakan bagi kajian ini juga adalah dengan membuat pengumpulan data dan pendekatan teori yang digunakan. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan kaedah analisis terhadap kandungan teks terpilih iaitu teks *Undang-Undang Kedah (1893)* karya penulisan semula Mariyam Salim pada tahun 2005.

#### 3.2 Metodologi Kajian

Menurut Siti Fairus Binti Kamaruddin (2015, p.30) metodologi kajian adalah cara bagaimana kajian ini akan dilaksanakan serta bagaimana data yang akan diperoleh dengan mempunyai sifat validity dan kebolehpercayaan yang tinggi. Dengan merujuk kepada bagaimana data dan maklumat tentang kajian yang akan dibuat, maka pengkaji telah menggunakan dua jenis metodologi kajian dalam melakukan kajian ini iaitu kaedah kualitatif dan analisis data.

Menerusi kaedah kajian yang dipilih oleh pengkaji, kaedah kualitatif atau dengan kata lainnya adalah kaedah interpretasi yang digunakan dalam menghuraikan maksud-maksud tersirat yang mempunyai kaitan dengan elemen Islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* dengan menggunakan data deskriptif. Penelitian deskriptif adalah kaedah penelitian yang digunakan dalam mendapatkan pengetahuan yang lebih luas terhadap perkara yang dikaji. Selain itu, data deskriptif ini juga adalah ilmu pengetahuan mengenai analisis dan interpretasi data yang digunakan untuk menyelidiki kajian (Arsaythamby Veloo & Arumugam Raman, 2003, p. 1).

Seterusnya adalah analisis data akan diberi penekanan terhadap penelitian dan juga pemerhatian terhadap teks. Analisis yang diguna pakai bagi melihat terhadap elemen Islam yang terdapat dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Data-data ini diperoleh melalui teknik menganalisis data kualitatif seperti pembacaan (memoing), penerangan, deduktif, pengelasan dan juga pentafsiran. Pemilihan penggunaan kaedah kualitatif ini adalah untuk menganalisis maksud tersirat yang terdapat dalam elemen Islam yang terkandung di dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* bagi memastikan kajian yang dilakukan ini selaras dengan objektif kajian yang dinyatakan.

#### **a) Bacaan (memoing)**

Menerusi kajian ini, bacaan antara kaedah yang digunakan dalam kajian dengan membaca bahan kajian yang dipilih. Bagi bacaan yang dilakukan adalah untuk memahami dengan lebih mendalam tentang kandungan yang terdapat dalam teks undang-undang tersebut. Selain itu, bacaan ini juga adalah untuk melihat kepada elemen Islam yang terkandung dalam teks undang-undang di mana fokus kajian yang pengkaji adalah meneliti aspek Islam yang terdapat dalam teks ini. Melalui proses bacaan ini juga membantu pengkaji dalam mengenalpasti pengaruh Islam yang terdapat dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Dapatan menunjukkan bahawa teks undang-undang ini mempunyai pengaruh daripada Islam serta teks ini juga memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada pembaca. Teks undang-

undang ini mempunyai sebanyak 104 muka surat dan teks ini juga adalah penulisan semula oleh Mariyam Salim pada tahun 2005.

#### **b) Penerangan**

Bagi teknik analisis penerangan ini, berdasarkan teks kajian yang telah dibaca oleh pengkaji, maka pengkaji mampu menerangkan semula aspek-aspek pengaruh dan elemen Islam yang terkandung di dalam teks ini. Hal ini kerana, penerangan merupakan satu kaedah yang terpenting kerana melalui data yang diperolehi daripada pembacaan pengkaji dapat memberikan penerangan yang lebih mendalam tentang aspek pengaruh dan juga elemen Islam yang terkandung dalam teks kajian iaitu teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Jadi penerangan ini membolehkan lagi pengkaji untuk menerangkan dengan lebih mantap dan juga berdasarkan fakta yang telah dibaca oleh pengkaji.

#### **c) Deduktif**

Bagi teknik deduktif pula adalah kaedah analisis dan mengolah kajian dengan lebih lanjut, berdasarkan pada pola berfikir pengkaji yang mencari pembuktian berdasarkan bukti-bukti umum kepada yang khusus. Di samping itu juga, kaedah ini merupakan cara untuk menjelaskan sesuatu persoalan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan lebih terperinci. Kaedah ini dijalankan berdasarkan data dan contoh-contoh yang berbentuk umum dan akan diterangkan secara lebih terperinci. Kaedah deduktif ini akan digunakan dalam bahagian analisis teks *Undang-Undang Kedah (1893)* dan dikhususkan hanya kepada pengaruh dan elemen Islam.

#### **d) Pengelasan**

Teknik analisis yang seterusnya adalah pengelasan. Pengelasan yang akan dilakukan oleh pengkaji ini adalah untuk memahami sepenuhnya tentang teks kajian yang dilakukan oleh pengkaji secara keseluruhan. Melalui teknik ini juga, pengkaji mampu mengelaskan data-data yang terkumpul kepada beberapa kategori yang

dipilih oleh pengkaji. Kaedah pengumpulan data yang digunakan menerusi kajian ini adalah kaedah analisis kandungan yang dilakukan secara kualitatif. Kaedah ini dipilih oleh pengkaji bertujuan untuk mengumpul data, mengkaji dengan lebih teliti tentang bahan bacaan yang diperolehi agar maklumat yang disampaikan lebih tepat dan dapat memberikan gambaran yang jelas. Pengelasan ini akan dilakukan bahagian analisis dimana pengkaji akan melakukan pecahan kepada tiga perkara yang berkaitan iaitu dari segi pemerintahan, adat dan peraturan yang mempunyai kaitan dengan elemen Islam.

#### **e) Pentafsiran**

Pentafsiran merupakan kaedah yang terakhir yang dilakukan selepas proses bacaan. Pentafsiran ini adalah hasil selepas daripada proses bacaan yang mendalam terhadap teks yang dikaji. Proses penerangan semula juga mengikut kepada pengelasan kepada elemen Islam yang terkandung dalam teks undang-undang mengikut kepada tiga kategori tersebut. Hasil daripada analisis data kualitatif ini juga akan diterjemahkan dengan lebih kelas melalui kutipan data yang diperolehi. Proses penafsiran data ini dibuat dengan merujuk kepada beberapa objektif kajian yang telah dipilih oleh pengkaji.

Melalui kajian ini juga, elemen dan pengaruh Islam merupakan satu perkara penting untuk dikaji dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* melalui penerangan awal yang menggambarkan tentang perkara tersebut. Berdasarkan kajian ini, setiap data yang diperolehi berfungsi sebagai alat sokongan dalam mentafsirkan serta mengesan maksud teks undang-undang tersebut yang mempunyai kaitan dengan pengaruh serta elemen Islam. Setiap data yang berkaitan dan juga berhubungan akan direkodkan ke jadual seperti jadual di bawah:

| PETUNJUK |  |     |                            |
|----------|--|-----|----------------------------|
| ✓        | Tanda sekiranya terdapat elemen dan pengaruh Islam | Per | Peraturan                  |
|          |  | UUK | Undang-Undang Kedah (1893) |
| Bil      | Bilangan   | KS  | Kekuasaan Sah              |
| Hlmn     | Halaman  | KP  | Kekuasaan Paksaan          |
| P        | Pemerintahan                                       | KR  | Kekuasaan Rujukan          |
| A        | Adat   | KD  | Kutipan Data               |

Jadual 3.1: Kutipan data Elemen dan Pengaruh Islam yang terdapat dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*

Disamping itu, bagi melengkapkan lagi objektif kajian dan fakta yang tepat, kaedah kepustakaan juga menjadi pilih kepada pengkaji dalam kajian ini seperti yang dinyatakan di Bab 1. Sumber data yang utama diambil daripada teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Selain itu, pengkaji juga mengemukakan pandangan tokoh sarjana, para ilmuwan dan dapatan daripada sumber-sumber tesis yang dijadikan contoh serta rujukan kepada pengkaji bagi mengukuhkan lagi fakta-fakta yang dinyatakan dalam kajian ini. Namun begitu, kajian ini juga dapat melihatkan elemen-elemen Islam yang telah dikelaskan oleh pengkaji mengikut kepada kategori tersebut:

**i. Pemerintahan**

menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015, p.1176) menyatakan bahawa pemerintah adalah perihal memerintah ataupun disebut sebagai cara memerintah. Perkara ini berkait rapat dengan pentadbiran yang memerintah sebuah negara maupun negeri yang berkaitan. Di samping sistem pemerintahan yang dijalankan itu tidak dibatasi oleh undang-undang yang ditetapkan. Pemerintahan tradisional adalah satu pemerintahan di mana raja mempunyai

kuasa mutlak dalam segala perkara serta pelaksanaan peraturan juga ditetapkan oleh golongan pemerintah.

**ii. Adat**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015, p.8) menyatakan definisi adat adalah sebagai peraturan yang sudah lama diamalkan secara turun temurun sejak dahulu lagi. Adat ini merupakan sesuatu norma masyarakat yang perlu dipatuhi dan juga dianggap sebagai hukum yang menentukan cara hidup masyarakat dan merupakan norma kebiasaan yang sering dilakukan.

**iii. Peraturan**

Peraturan didefinisikan sebagai segala perkara yang telah ditentukan dan juga ditetapkan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015, p.1179). Selain itu, peraturan ini juga perlu dan harus dituruti atau dipatuhi bagi menjaga keharmonian dan keaman. Merupakan satu sistem peraturan atau norma yang perlu diikuti oleh masyarakat. Peraturan ini juga biasanya dibuat oleh pemerintah negara tersebut bertujuan untuk rakyatnya boleh hidup, bekerja dan bersosial antara satu sama lain serta bagi menjaga keharmonian sejagat.

### 3.2.1 Pendekatan Kajian

Menerusi kajian yang dilakukan ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan teori kuasa dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* untuk melihat kepada elemen dan pengaruh Islam yang terdapat dalam teks undang-undang tersebut. Menurut Bagi pengertian Islam menurut Abd Aziz bin Harjin (2008, p.56) menyatakan bahawa Islam perkataan daripada bahasa Arab yang membawa erti sejahtera, aman, harmoni dan dirujuk daripada istilah memberi makna menyerah diri kepada Pencipta yang Maha Berkuasa iaitu Allah SWT swt. Definisi di atas menyatakan maksud Islam. Mengikut kepada perspektif sejarah negeri Kedah, Kedah dikatakan negeri yang terawal menerima pengaruh daripada Islam dan sekali gus mendapati bahawa teks undang-



undang yang bertulis itu juga mempunyai kaitan dengan pengaruh daripada Islam dalam pelaksanaan undang-undang.

Manakala menurut Jelani Harun (2003, p.2) menyatakan bahawa agama Islam di Alam Melayu telah berkembang dan kedatangan Islam juga sedikit sebanyak mempunyai kaitan yang rapat dengan kewujudan karya ketatanegaraan di Alam Melayu. Jadi pengaruh Islam telah lama wujud dalam teks undang-undang ini dan juga mempunyai kesinambungan serta makna yang besar melalui pengaruh Islam ke negeri Kedah

### 3.3 Teori Kuasa

Teori kuasa ini dipelopori oleh John RP. French dan Bertram Raven pada tahun (1959). Teori ini melihat kepada aspek pemerintahan yang dijalankan dan juga terhadap peraturan-peraturan yang dilaksanakan oleh golongan pemerintah. Melalui peraturan tersebut dapat diketahui tentang konsep pemerintahan yang dijalankan dalam pentadbiran tersebut. Menurut Salmah Jan Noor (2018, p.54) John RP. French mengemukakan lima prinsip yang terdapat dalam teori ini antaranya adalah Kekuasaan Ganjaran (*Reward Power*), Kekuasaan Paksaan (*Coercive Power*), Kekuasaan Sah (*Legitimate Power*), Kekuasaan Rujukan (*Referent Power*) dan Kekuasaan Pakar (*Expert Power*). Akan tetapi, pengkaji hanya akan memfokuskan kepada tiga prinsip sahaja dalam kajian ini mengikut kepada kategori yang telah ditetapkan iaitu Kekuasaan Paksaan, Kekuasaan Sah dan juga Kekuasaan Rujukan.

#### i. Kekuasaan Paksaan (*Coercive Power*)

Kekuasaan Paksaan ini merujuk kepada penggunaan kekerasan dan juga ancaman dalam sesebuah pemerintahan bagi mempengaruhi rakyat yang diperintahnya takut akan golongan pemerintah. Perkara di atas juga merujuk kepada golongan pemerintah ini mempunyai kemampuan dalam mengenakan hukuman dan sebagainya. Menurut kepada perspektif umum pula golongan

pemerintah yang mempunyai kuasa ini selalu berkait rapat dengan kekerasan fisik atau pelaksanaan hukuman yang keras terhadap golongan rakyat. Menurut Luthans (1989, p.431) menggemukan '*source of coercive power depends on fear*' dimana kekuasaan paksaan ini adalah ketakutan kepada mereka yang tidak patuh terhadap apa yang dikehendakinya.

ii. Kekuasaan Sah (*Legitimate Power*)

Kekuasaan Sah ini merupakan kekuasaan yang diperoleh dari atas dasar kekaguman, keteladanan, karisma dan kepribadian dari seorang pemimpin. Kekuasaan sah ini juga dikatakan sebagai secara turun temurun pada zaman tradisional dan juga mengikut kepada hierarki yang menunjukkan bahawa golongan pemimpin di antara orang yang tertinggi dalam sesebuah pemerintahan menurut William Cohen (2002, p.79)

iii. Kekuasaan Rujukan (*Referent Power*)

Kekuasaan rujukan bermaksud gabungan atau kumpulan dalam sesebuah organisasi. Dari segi sistem pemerintahan rujukan ini perlulah memerlukan kata sepakat dalam pelaksanaan undang-undang yang dijalankan. Kekuasaan ini juga perlu merujuk kepada asas pemerintahan yang hendak dijalankan. Seperti contoh rujukan yang mengikut kepada asas agama Islam yang menjadi rujukan kepada pemerintah tersebut.

### 3.4 Reka Bentuk Kajian

Memandangkan kajian yang dijalankan ini berkaitan dengan elemen Islam dan juga pengaruh Islam, kaedah deskriptif kualitatif diguna pakai dalam metodologi kajian bagi membuat penelitian terhadap penggunaan teks. Maka reka bentuk kajian yang paling sesuai digunakan dalam kajian ini adalah kajian kes (case study), kaedah kepustakaan dan kaedah internet. Kaedah kualitatif digunakan bagi menganalisis aspek Islam yang terkandung dalam teks undang-undang yang ingin dikaji mengikut kepada

objektif kajian yang telah dinyatakan di Bab 1. Kajian kualitatif ini lebih menekankan kepada aspek penghasilan makna teks sastera undang-undang tersebut. Pengumpulan data melalui kaedah dokumentasi iaitu seperti teks undang-undang yang telah menjadi fokus utama kajian ini. Penggunaan reka bentuk kajian kes ini membolehkan maklumat yang diingini pengkaji dicapai dengan lebih terperinci dan juga fakta-fakta yang disampaikan lebih tepat tanpa ada sebarang unsur kesalahan fakta disebalik fasal yang mempunyai elemen Islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*.

Menerusi kajian ini, kaedah reka bentuk kualitatif telah dipilih oleh pengkaji kerana ingin menganalisis dengan lebih lanjut teks sastera undang-undang yang dipilih untuk dikaji iaitu *Undang-Undang Kedah (1893)*. Melalui kajian ini, kaedah kualitatif yang digunakan adalah kaedah kepustakaan, kajian analisis teks, kajian analisis internet dan juga teori Kuasa. Bagi kajian kepustakaan, kaedah ini digunakan untuk pengkaji mendapatkan bahan-bahan kajian sebagai rujukan. Carian-carian bahan seperti artikel, buku, jurnal serta tesis-tesis yang boleh dijadikan kepada pengkaji bagi melengkapkan kajian yang berkaitan elemen Islam dan pengaruh Islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*.

### 3.5 Kerangka Konseptual

#### **PENGARUH ELEMEN ISLAM DALAM TEKS *UNDANG-UNDANG KEDAH (1893)***

##### **OBJEKTIF KAJIAN**

Mengenal pasti pengaruh Islam yang terkandung dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* dalam semua aspek.

Menganalisis kesan pengaruh elemen islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* karya penulisan semula Mariyam Salim.

Menjelaskan pengaruh Islam dalam undang-undang adat, pemerintahan dan peraturan menerusi teks *Undang-Undang Kedah (1893)* terpilih karya penulisan semula Mariyam Salim dengan mengaplikasikan Teori Kuasa dipelopori oleh John RP French & Bertram Raven.

##### **TEORI KUASA**

Kekuasaan Paksaan (*Coercive Power*)

Kekuasaan Rujukan (*Referent Power*)

Kekuasaan Sah (*Legitimate Power*)

#### **PENGARUH ELEMEN ISLAM DALAM TEKS *UNDANG-UNDANG***

Pemerintahan

Adat

Undang-undang atau peraturan

#### **TEKS TERPILIH KARYA PENULISAN SEMULA MARIYAM SALIM**

*Undang-Undang Kedah (1893)*

##### **RUMUSAN**

Rajah 3.2: Kerangka Konseptual

### 3.6 Keterangan Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual di atas ini dibentuk bagi memudahkan lagi pengkaji dalam mengkaji pengaruh elemen Islam dalam teks undang-undang yang dipilih. Berdasarkan kerangka konseptual ini, elemen Islam yang dikaji dikategorikan kepada tiga iaitu pengaruh elemen Islam dari segi pemerintahan, adat dan juga peraturan dalam teks undang-undang iaitu *Undang-Undang Kedah (1893)* dengan berpandukan kepada penggunaan Teori Kuasa.

Seterusnya, kerangka konseptual ini juga dapat digunakan bagi membuat analisis tentang pengaruh elemen Islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* terhadap tiga kategori tersebut iaitu pemerintahan, adat dan juga peraturan dengan mengaplikasikan Teori Kuasa. Berdasarkan kepada kerangka ini sedikit sebanyak membantu pengkaji dalam meneliti elemen Islam serta pengaruhnya dalam teks atau karya yang telah dipilih. Kita perlu memahami konsep karya sastera secara keseluruhan kerana pengaruh elemen Islam yang terkandung dalam teks tersebut menunjukkan tentang asal-usul teks undang-undang tersebut. Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan pendekatan Teori Kuasa untuk melihat dari segi pelaksanaan pemerintahan yang dilakukan melalui teks undang-undang tersebut iaitu teks *Undang-Undang Kedah (1893)*.

### 3.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab ini telah membincangkan tentang metodologi kajian, pendekatan yang digunakan dalam kajian, penggunaan Teori Kuasa yang telah menjadi pilihan pengkaji kerana mengkaji dari segi aspek teks undang-undang. Selain itu, reka bentuk kajian, kerangka konseptual dan juga keterangan terhadap konseptual yang akan dijadikan sebagai salah satu asas dan rujukan kepada pengkaji dalam menganalisis teks kajian yang telah dipilih oleh pengkaji bagi mencapai objektif kajian. Metodologi kajian juga telah dibincangkan secara terperinci melalui bab

ini dengan meneliti teks kajian bagi mendapatkan hasil serta dapatan yang jitu bagi memenuhi objektif kajian ini.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan ketiga-tiga objektif yang ditetapkan. Analisis ini dibincangkan secara deskriptif berdasarkan teori Kuasa bagi mencapai objektif kajian dan menjawab segala persoalan yang dirangka sebelum kajian ini dilaksanakan. Perkara ini dinyatakan dengan pemilihan tiga prinsip teori kuasa iaitu prinsip kekuasaan paksaan, prinsip kekuasaan sah dan prinsip kekuasaan rujukan bagi memperlihatkan pengaruh Islam yang terdapat dalam teks undang-undang karya Mariyam Salim iaitu *Undang-Undang Kedah (1893)*. Melalui prinsip-prinsip tersebut, dapat menyatakan pelbagai jenis persoalan yang terdapat dalam teks undang-undang dari segi pemerintahan, adat dan juga undang-undang pelaksanaan. Menurut Norhayati Abd. Rahman (2009:3), konsep kuasa dan kekuasaan ini diistilahkan sebagai keupayaan seseorang itu untuk membuat peraturan dan memastikan pematuhan terhadapnya (*The power or right to give orders and make others obey*). Oleh yang demikian, teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini bukan sahaja akan diteliti daripada pengaruh Islam, malahan turut meneliti aspek undang-undang yang dilaksanakan serta menganalisis kesan dalam pelaksanaan undang-undang ini melalui tiga prinsip teori Kuasa.

#### 4.1 Pengaruh Islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*

Teks *Undang-Undang Kedah (1893)* penulisan semula Maryam Salim ini akan dibuktikan melalui pengaruh Islam yang terkandung dalam teks undang-undang

tersebut. Pengaruh Islam dalam teks undang-undang merupakan satu perkara yang tidak asing bagi sejarah negeri Kedah yang dikatakan antara negeri terawal yang menerima Islam. Bagi merungkai dengan lebih mendalam terhadap pengaruh Islam yang mempunyai kaitan dengan pelaksanaan teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini dengan mengemukakan contoh fasal-fasal yang dan juga perkataan yang mempunyai kaitan dengan pelaksanaan undang-undang mengikut Islam. Menurut Aisyah Kamaruddin (2017:7) menyatakan bahawa teks ini mengandungi puji-pujian kepada Tuhan yang menyatakan manusia sebagai sebaik-baik kejadian dan Khalifah di muka bumi (*TarAllah SWT Lil Alam*). Manusia dilantik sebagai khalifah dimuka bumi bagi membantu umat manusia menurut di jalan kebaikan yang telah ditetapkan Allah SWT. Manakala mereka yang menurut ajaranNya sebagai simbolik diangkat martabat manusia menjadi pemimpin yang di muka bumi dengan gelaran Raja dan Sultan yang akan menjadi perantara manusia dengan Allah SWT SWT dengan melaksanakan satu undang-undang yang membolehkan kita menyeru kepadaNya. Oleh yang demikian, di awal teks undang-undang ini menunjukkan bahawa teks ini mempunyai pengaruh Islam dalam pelaksanaan teks ini bagi membolehkan rakyat dibawah pemerintahnya mengikut kepada perkara yang benar dan dijauhkan daripada perkara yang dibenci serta mengikut kepada ajaran yang ditetapkan dalam Islam.

#### 4.1.1 Pengenalan Undang-Undang

Undang-undang merupakan satu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal dan masyarakat mesti mematuhiya (Kamus Dewan Bahasa, 2005:1768). Peraturan yang disebutkan di dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* adalah satu penggubalan peraturan bagi masyarakat negeri Kedah yang menjadi satu perkara yang harus dirujuk. Hal ini kerana, peraturan ini dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan dan juga kedamaian. Walaubagaimanapun, teks undang-undang ini juga mengambil rujukan Islam sebagai asas utama dalam peraturan yang dilaksanakan bagi menunjukkan lagi

agama yang dipeluk di negeri Kedah ini dan juga kemasukan terawal Islam ke negeri Kedah.

Pengaruh Islam dapat diperlihatkan di dalam teks undang-undang ini dengan permulaan kata pengantar sebelum fasal-fasal yang berkaitan disebutkan. Permulaan dengan rahmat ke atas junjungan besar kepada tuhan yang menciptakan segala alam agar mengetahui hukum yang mengikut kepada suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangannya. Bermula pada tarikh 1060, tahun Zai, pada 17 Jamadilakhir, hari jumaat. Tarikh yang mengikut kepada tarikh bulan Islam dimana undang-undang ini dititahkan oleh Syah Alam Yang Maha Mulia. Mengikut kepada konsep keadilan yang diperintahkan menurut Islam dikuatkuasakan dan dititahkan dalam hukum berniaga. Buktinya dapat dilihat menerusi petikan tersebut:

*“Jikalau ada orang itu pergi mari berniaga ke negeri mahulah diperiksa. Tatkala sudah diperiksa maka beri surat ke negeri supaya lepas masuk. Maka hasilnya enam kupang emas. Maka tatkala balik keluar, ada ia membawa kerbau muatan pada seekor seekupang emas diambil. Jikalau ada orang itu membawa jual gajah, pada seekor sepaha emas diambil. Dan, jika ada orang membawa jual sahaya, pada seorang seemas hasilnya.*

*(Undang-Undang Kedah 1893, p.1)*

Merujuk kepada petikan diatas, pengaruh Islam dapat dikenalpasti menerusi keadilan yang dinyatakan dalam konsep berniaga. Adil membawa maksud menyebelahi pihak yang benar bukan kepada sesuatu malahan mengambil berat kearah kedua-dua belah pihak (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2017: p. 9). Dalam konsep berniaga menurut islam memerlukan keadilan dan juga kesaksamaan kedua-dua belah pihak. Seperti yang dinyatakan dalam petikan di mana setiap perniagaan yang dilakukan dalam negeri Kedah memerlukan bayaran mengikut kepada barangan yang didagangkan. Bayaran yang dikenakan kepada barangan tersebut adalah untuk kemajuan dan juga menaiktaraf mengikut kepada peradaban yang pernah



dilakukan oleh Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas pada tahun 1977 di mana segala aktiviti perniagaan telah dinaiktaraf tamadun Islam, peradaban dan juga pembinaan bandar-bandar (Ab. Aziz Yusoff, 2018: 56)

Seterusnya adalah pengenalan kepada undang-undang mengikut kepada konsep Islam juga dititahkan oleh Syah Alam Yang Maha Mulia dan Yang Dipertuan Yang Maha Mulia yang menyuruh undang-undang yang dititahkan pada zaman Raja Setia Bijaya dan Raja Jalil Putera itu ditukar menjadi negeri Islam.

kata pengantar yang terdapat dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* telah menjadi satu faktor yang membuktikan bahawa teks undang-undang ini terdapat pengaruh islam. Hal ini dapat dipastikan dengan contoh yang dititahkan oleh golongan pemerintah yang mengubal peraturan-peraturan menjadi satu peraturan yang berasaskan islam sebagai rujukan. Buktinya dapat dilihat menerusi petikan tersebut:

*“Pada tarikh seribu enam puluh tahun, tahun Zai, pada tujuh belas hari bulan Jamadilakhir, hari Jumaat, bahawa pada ketika itu maka adalah dititahkan Syah Alam Yang Maha Mulia terjunjung ke atas jemala paduka raja suruh salin taruh undang-undang perbuatan Datuk Besar di Hulu, Alaihi rahmatullah supaya sudahlah tahu hukum sedikit-sedikit”*

*(Undang-Undang Kedah 1893, p.1)*

Menerusi petikan diatas membuktikan pengaruh Islam yang telah dikenalpasti menerusi permulaan kata pengantar sebelum fasal-fasal adalah melalui kata rahmat kepada Allah SWT sebelum menyatakan fasal-fasal yang berkaitan hukum dan undang-undang Islam. Rahmat kepada Allah SWT adalah anugerah-Nya yang memberikan rahmat-Nya kepada orang-orang yang beriman, dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah SWT menurut Thaha Abdullah Al-Afifi (2008: p.33). Menerusi teks undang-undang ini dinyatakan rahmat Allah

SWT itu berkenaan dengan pengubalan dan juga penukaran undang-undang biasa kepada undang-undang Islam. Disebabkan oleh itu, dengan rahmat Allah SWT yang memberi anugerah kepada pemerintah dapat mereka laksanakan undang-undang yang berasaskan Islam.

#### 4.1.2 Undang-undang mengikut rukun Islam

Dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini juga telah menyatakan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan perkara yang haram dan juga halal. Di samping itu, terdapat juga perkara yang memudaratkan dan juga menjejaskan juga dinyatakan di dalam teks undang-undang tersebut bagi mengikut landasan kepada Islam. Rukun dalam konteks Islam merupakan tiang agama Islam yang mempunyai 5 perkara penting iaitu syahadat, sembahyang fardu, zakat, puasa Ramadhan dan juga mengerjakan haji (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017: p.1349). 5 perkara ini adalah asas yang perlu diikuti oleh umat Islam dalam kehidupan didunia dengan sebaik-baiknya dan akan membawa kepada kejayaan dunia dan diakhirat.

Seterusnya undang-undang ini juga menyebut tentang rukun Islam iaitu berkaitan dengan puasa. Hendaklah berpuasa di bulan Ramadan kerana perkara ini telah ditetapkan oleh Allah SWT dan mestilah mengikutnya (Fahd Salem Bahammam, 2015: p.1). Allah SWT mewajibkan umat Islam untuk berpuasa satu bulan penuh dalam satu tahun sekali iaitu pada bulan Ramadan. Allah SWT menjadikan puasa sebagai rukun ketiga dalam rukun Islam dan merupakan salah satu dasar-dasar Islam yang agung. Allah SWT berfirman, “Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa, sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa” (Al-Baqarah: 183). Berdasarkan teks *Undang-Undang Kedah (1893)* kepada masyarakatnya yang tidak berpuasa akan dikenakan hukuman dan juga

ditangkap. Jika ditangkap hukuman yang dikenakan adalah dengan memberi makan rumput di hadapan balai atau dipukul atas kadar di pasar.

*“Jika pada bulan Ramadhan, itu pun lihat barang siapa tiada puasa di dalam pasar itu, maka hendaklah sakai syahbandar tangkap, beri makan rumput di hadapan balai atau dipukul atas kadarnya di tengah pasar itu.”*

*(Undang-Undang Kedah 1893), 12)*

Petikan di atas merujuk kepada kehadiran rukun islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. yang keempat iaitu berpuasa di bulan Ramadhan yang merupakan satu perkara yang wajib ditunaikan bagi umat islam. Hal ini kerana, rukun Islam perlu dipatuhi dan dilaksanakan disebabkan oleh dasar-dasar Islam yang perlu dipatuhi dan juga bulan Ramadhan adalah satu bulan istimewa disisi Allah SWT SWT dibandingkan dengan bulan-bulan Islam yang lain (Fahd Salem Bahammam, 2015: p.2). Menerusi teks *Undang-Undang Kedah (1893)* Peraturan yang dikenakan bagi golongan yang tidak berpuasa ini sangat wajar bagi memberi satu pengajaran islam yang teguh dengan mengikut perkara yang ditetapkan di dalam islam. Selain itu, peraturan ini juga dikenakan bagi masyarakat di negeri Kedah iaitu golongan Melayu berlandaskan hukum syarak yang ditetapkan dalam islam.

Perkara yang seterusnya adalah yang berkaitan dengan zakat yang dititahkan dalam undang-undang ini. Zakat merupakan rukun Islam keempat yang terpenting dalam memberi keberkatan dalam hasil-hasil yang diperolehi mengikut syarak yang telah ditetapkan dalam Islam. Zakat menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017: p.1814) menyatakan bahawa rukun Islam yang keempat yang mewajibkan seseorang Islam mengeluarkan sebahagian daripada hartanya kepada orang miskin yang berhak menerimanya seperti fakir miskin mengikut kepada syarat-syarat yang ditentukan. Buktinya dapat dilihat seperti berikut:

*“Dan, wajib menyuruh menyamai cupak dan gantang dan timbangan, jangan diberi kecik besar, mahupun sama sekalian itu, kerana firman Allah SWT taala: ‘Hendaklah sempurna oleh kamu sukatan dan timbangan segala ia isi negeri kamu.’ Maka itulah difardhukan atas sekalian raja-raja yang mempunyai kebesaran dan panglima yang mempunyai kuasa menyuruh menyamai sukatan dan timbangan kerana beberapa kaum nabi yang dahulu-dahulu itu (di) suruhkan Allah SWT taala menyampaikan pada segala kaumnya menyamai sukatan dan timbangan. Maka tiada diturut oleh mereka itu. Maka dibinasakan Allah SWT ta’ala rugi, maka dirugikan Jibrail, dan setengahnya diturunkan Allah SWT ta’ala bala bagi atas negeri yang tiada menyamai sukatan dan timbangan itu, iaitu, hujan, api, dan setengahnya keluar api daripada dalam kuburnya, iaitu bumi.”*

(Undang-Undang Kedah 1893, 13)

Seperti yang dinyatakan seperti contoh diatas menunjukkan kehadiran rukun islam. Zakat merupakan salah satu rukun islam yang keempat yang ditetapkan di dalam islam. Bagi golongan yang perlu membayar zakat mengikut kepada sukatan yang telah ditetapkan di dalam teks undang-undang ini mengikut kepada hitungan zakat islam. Menurut Hasbi Ash Shadieq (2006: p.5) menyatakan bahawa Ibn Rusyd mengatakan zakat adalah jumlah yang dikeluarkan dari kekayaan, kerana yang dikeluarkan itu menambah banyak, membuatkan lebih bererti serta melindungi kekayaan dari kebinasaan. Selain itu, bagi memberkatkan harta yang diperolehi daripada hasil-hasil pertanian, harta dan sebagainya agar diberkati dan diredhai Allah SWT SWT. Disamping itu, dalam teks undang-undang ini juga mengambil beberapa contoh yang dikemukakan di dalam al-quran yang dikatakan kepada umat-umat terdahulu yang ditimpa bala oleh Allah SWT swt kerana mereka mengingkari daripada pembayaran zakat yang ditetapkan oleh islam.

#### 4.1.3 Peraturan mengikut kepada hukum Islam

Hukum menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017: p.549) adalah peraturan yang ditetapkan oleh sesuatu kekuasaan dan lain-lain. Menurut kepada perspektif Islam yang dinyatakan oleh Eva Iryani (2008: p.32) bahawa

hukum Islam ini adalah satu kerangka dan juga peraturan yang mengikut kepada aturan Islam yang merujuk kepada al-Quran dan Hadis serta perlu diikuti oleh seorang Muslim. Di dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini juga menyatakan perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum Islam seperti jenayah, syarak dan juga sebagainya. Bagi mengikut kepada landasan Islam yang sebenar, perlu juga untuk menghapuskan perkara-perkara lama yang dibuat sebelum kedatangan Islam ke negeri Kedah. Hal ini menyebabkan, setiap perkara yang boleh memudaratkan dan juga mensyirikkan Allah SWT ditetapkan dan digubal dalam teks undang-undang ini. Seperti contoh di dalam fasal undang-undang ini menyatakan:

*“Yang pertama kami nyatakan undang-undang; barang siapa mencuri atau menyamun atau menyabung atau makan madat atau bermain judi bertaruh-taruhan atau menyembah kayu-kayuan atau menyembah batu dan meminum arak atau tuak atau mengasi dan yang (minum) kilang atau makan ganja dan berbuat dia maka kerja sekalian itu dilarang Allah SWT subhanahu wa taala dan Rasul-Nya”.*

*(Undang-Undang Kedah 1893, p. 17)*

Merujuk kepada petikan diatas, hukum Islam dilihat dalam fasal diatas dimana hukum yang berasaskan Islam dititikberatkan dalam pelaksanaan teks undang-undang ini. Perkara-perkara berkaitan yang melanggar hukum syarak merupakan satu perkara yang dikeji perbuatan tersebut oleh Allah SWT dan perlu mengikut kepada syarak yang ditetapkan. Hal ini kerana, perkara ini boleh memudaratkan diri sendiri dan juga boleh mensyirikkan Allah SWT. Taubat nasuha perlu dibuat bagi orang yang telah mensyirikkan Allah SWT dan juga ada sesetengah peraturan yang dikatakan di dalam teks undang-undang ini. Contoh seperti berikut:

*“Maka barang siapa ada pekerjaan yang demikian itu derhaka kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Maka hendaklah segerakan oleh segala yang bekerja taubatkan supaya diampun Allah SWT ta'ala dosanya dan*

*memohonkan ampun ke bawah duli baginda Yang Maha Mulia. Telah diampun kerja yang telah lalu itu maka dikerjakannya pula kerja yang dilarangkan Allah SWT taala dan Rasul-Nya itu. Kemudian daripada taubat itu, maka hendaklah segala orang yang tua-tua ia berkampung itu beritahu kweng atau panglima. Maka apabila diketahui oleh kweng atau panglima maka hendaklah tangkap dan tikamnya, hantarnya ke negeri segala yang derhaka itu”.*

*(Undang-Undang kedah 1893, Fasal 1:17)*

Petikan diatas merujuk kepada pesalah yang menderhaka kepada Allah SWT dengan mensyirikkan serta melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT swt. Antara hukuman yang dikenakan mengikut kepada fasal yang ditetapkan adalah ditangkap dan juga ditikam bagi menghantar mereka ke negeri segala derhaka itu iaitu kematian bagi menempatkan mereka dikalangan orang-orang yang derhaka. Ini merupakan antara hukuman dan hukum yang ditetapkan di dalam teks undang-undang ini bagi membolehkan rakyat mengikut kepada landasan agama islam yang telah ditetapkan.

#### 4.1.4 Pemerintah sebagai wali Allah SWT

Golongan pemerintah mempunyai kuasa yang tersendiri dalam sistem pemerintahan yang ditetapkan oleh raja. Raja melantik menteri-menteri bagi membantu dalam pemerintahan dan sesetengah gelaran yang diberi kepada golongan menteri ini mempunyai maksud yang tersendiri dalam islam. Menurut Yazid Haji Maarof (2019, p.60) menyatakan bahawa konsep dalam islam yang disebut oleh Allah SWT swt iaitu tentang wali yang terdiri daripada pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa kepada-Nya dan mereka layak dilantik menjadi wali atau pemerintah kerana mendapat keredaan Allah SWT swt. Mereka juga perlu mengerjakan perkara yang disuruh dan meninggalkan perkara yang ditegah dengan cara yang bijaksana.

Dalam aspek teks undang-undang ini dapat dinyatakan bahawa golongan pemerintah dan menteri ini menjadi wali Allah SWT swt bagi

melaksanakan pemerintahan berasaskan cara islam yang sebenar. Mereka menjadi satu titik rujukan kepada golongan rakyat dalam merujuk kepada sesuatu perkara yang betul atau salah. Seperti yang dinyatakan di dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* tentang pemerintah dan menteri-menteri sebagai wali Allah SWT. Contoh petikan seperti berikut:

*“Inilah keturunan gelar menteri pegawai hulubalang adat raja-raja yang sudah dahulu itu. Peraturannya pertamanya digelar “Paduka”, ertinya saudara pada raja, dan gelar “Maha” itu di dalam kitab Allah SWT ta’ala besar maknanya dan gelar “Seri” itu ertinya keluarga pada raja dan digelar ertinya sahabat pada raja dan kalutan itu ertinya sejamu pada raja dan gelar “Sang” itu ertinya si anu”.*

*(Undang-Undang Kedah 1893, p.30)*

Seperti yang dinyatakan diatas tentang gelaran yang diberikan kepada keturunan dan juga menteri-menteri yang dilantik oleh raja. Dinyatakan juga tentang “Maha” yang merupakan satu gelaran yang sangat besar dalam islam di mana ianya adalah satu gelaran bagi wali Allah SWT. Gelaran yang diterima adalah besar tanggung jawabnya dalam melaksanakan perintah dan juga perlu mengikut kepada hukum islam yang ditetapkan. Segala perkara yang kebaikan yang dituntut perlu dilakukan dan mencegah serta mengharamkan perkara-perkara kejahatan yang boleh mendapat kemurkaan Allah SWT swt perlu dielakkan.

## 4.2 Konsep Teori Kuasa dalam teks Undang-Undang Kedah (1893)

### 4.2.1 Prinsip kekuasaan paksaan

Kekuasaan Paksaan ini merujuk kepada penggunaan kekerasan dan juga ancaman dalam sesebuah pemerintahan bagi mempengaruhi rakyat yang diperintahnya takut akan golongan pemerintah. Perkara di atas juga merujuk

kepada golongan pemerintah ini mempunyai kemampuan dalam mengenakan hukuman dan sebagainya. Menurut kepada perspektif umum pula golongan pemerintah yang mempunyai kuasa ini selalu berkait rapat dengan kekerasan fisik atau pelaksanaan hukuman yang keras terhadap golongan rakyat. Menurut Luthans (1989, p.431) menggemukan '*source of coercive power depends on fear*' dimana kekuasaan paksaan ini adalah ketakutan kepada mereka yang tidak patuh terhadap apa yang dikehendakinya.

Paksaan juga boleh dikatakan sebagai satu perkara yang penting kepada golongan pemerintah dalam mempertahankan kuasa mereka. Hal ini kerana, undang-undang digubal ini mampu memberi satu kuasa yang mutlak kepada mereka ke atas rakyat yang diperintah. Bagi naskhah teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini mempunyai batasan diantara golongan pemerintah dan juga rakyat yang mempunyai had yang tertentu. Walaubagaimanapun, teks undang-undang ini walaupun bersifat paksaan bagi mengukuh kuasa pemerintah tetapi pelaksanaan peraturan ini mengikut kepada islam yang menjadi asas pegangan di dalam peraturan. Menurut Yusoff Iskandar (1997, p. 56) menyatakan bahawa perkara ini diwujudkan adalah untuk mencipta suatu hukum yang dapat membezakan diantara golongan pemerintah dan juga golongan diperintah.

#### 4.2.1.1 Kekuasaan paksaan dalam pemerintahan

Prinsip kekuasaan paksaan dapat dilihat di dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini dengan beberapa fasal yang ditetapkan dengan keras oleh golongan raja. Hal ini kerana bagi mengubah kepada landasan islam yang sebenar dengan memaksa beberapa perkara yang wajib dilakukan di dalam islam. Beberapa peraturan dan undang-undang yang dikenakan ini sangat serius kepada golongan rakyat dan juga mereka tidak mematuhi peraturan ini boleh dikenakan hukuman yang berat.



Selain itu, ketegasan peraturan ini hanya dilakukan mengikut kepada pelaksanaan rukun islam yang ditetapkan dengan penambahan hukuman yang dikenakan bagi mereka yang tidak berbuat demikian.

Contoh petikan seperti berikut:

*“Fasal yang kedua pada menyatakan hukum syarak Allah SWT. Maka hendaklah kweng periksa, pada masing-masing kwengnya suruhkan sembahyang lima waktu dan puasa serta sembahyang Jumaat. Maka hendaklah serta pegawai masjid itu mentakzirkan mereka itu. Apabila ia keras, suruh tangkap bawa ke masjid, kekang lehernya. Apabila berikrarlah ia mahu sembahyang serta taubatnya, lepaskan dia”.*

*(Undang-Undang Kedah 1893, p. 18)*

Petikan di atas membuktikan kehadiran Islam dengan mewajibkan sembahyang lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan dan mewajibkan umatnya untuk solat Jumaat bagi golongan lelaki. Perkara-perkara ini merupakan landasan utama yang perlu dipatuhi dan juga merupakan tiang agama islam. Menurut Achmad Chodjim (2014: p.146) menyatakan bahawa rukun Islam merupakan perilaku kehidupan seharian seorang Islam yang sejati dalam melaksanakan 5 prinsip berikut dan juga merupakan landasan hidup seorang muslim. Sistem pemerintahan yang terdapat dalam teks undang-undang ini dilaksanakan menunjukkan salah satu kepimpinan yang menegakkan kearah Islam. Pemerintahan ini bukan sahaja menetapkan undang-undang tersebut malahan juga memaksa rakyat dibawah pemerintahannya agar menurut segala peraturan yang telah dilaksanakan. Akan tetapi, ianya juga adalah tanggungjawab kepada pemerintahan dalam melaksanakan syariat islam dengan lebih keras agar rakyat patuh serta tidak berani melawan syariat Islam yang telah ditetapkan.

Pemerintahan ini juga bukan sahaja hanya sekadar memerintah, tetapi pemerintahan yang dilaksanakan ini mengikut kepada al-Quran. Manakala Sultan antara orang yang bertanggungjawab untuk menegakkan pemerintahan negara mengikut kepada ketentuan Allah SWT swt dan Rasul-Nya dengan membawa rakyatnya dan juga dirinya beriman dan bertakwa kepada Allah SWT swt. Menurut Yazid Haji Maarof (2019, p.63) menyatakan bahawa golongan pemerintah yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT layak dilantik menjadi pemimpin di sebuah negara islam. Mengikut kepada kesan islam dalam teks undang-undang ini menampakkan tentang keberkesanan dengan paksaan dan hukuman yang diberikan bagi mereka yang tidak mahu mengerjakan rukun islam. Dengan pelaksanaan peraturan tersebut sedikit sebanyak telah memberi impak yang positif dan juga mengelakkan mereka daripada mendapat bala daripada Allah SWT.

Selain itu, terdapat juga tentang zakat yang telah dinyatakan di dalam teks undang-undang ini. Zakat menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2017, p.1814) merupakan rukun islam yang keempat yang mewajibkan seseorang islam mengeluarkan sebahagian daripada hartanya kepada orang yang berhak menerima (seperti fakir miskin), mengikut kepada syarat-syarat yang ditentukan. Dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini menyatakan tentang rukun islam yang keempat tersebut. contoh petikan seperti berikut:

*“Fasal yang ketiga pada menyatakan hukum undang-undang. Barang siapa berbuat bendang atau huma maka hendaklah kerasi suruh keluarkan zakat seperti benar hisabnya yang diperolehnya itu suruh keluarkan sepuluh emas zakatnya itu. Apabila tiada mahu mereka itu seperti hisab itu maka hendaklah kweng kerasi keluar zakat itu menurut seperti hukum Allah SWT taala.”*

*(Undang-Undang Kedah 1893, p.18)*

Merujuk kepada petikan diatas menyatakan fasal yang berkaitan dengan zakat yang merupakan rukun Islam yang keempat yang telah ditetapkan bagi setiap orang Islam. Zakat bererti berkah, tumbuh, bersih, baik dan bertambah bagi golongan yang membayar zakat. Menurut Ahmad Warson Munawir (1997: p.577) menyatakan bahawa seseorang muslim yang mengeluarkan zakat itu hatinya menjadi suci dan bersih serta berkembang akan hartanya jika berbuat demikian. Oleh hal yang demikian, peraturan yang ditetapkan ini sangat wajar dengan paksaan yang dikenakan kepada masyarakat bagi mengikut kepada ketetapan Islam yang sebenar dengan menjadikan masyarakat sebagai seorang muslim yang sejati.

#### 4.2.1.2 Kekuasaan paksaan dalam adat

Pelaksanaan kekuasaan paksaan bukan sahaja dalam sistem pemerintahan akan tetapi juga dalam adat yang telah diamalkan dalam kehidupan masyarakat. Adat dan agama mempunyai kaitan yang tersendiri akan tetapi terdapat juga kekeliruan yang menyebabkan pengubalan dalam pemerintahan yang terpaksa menyentuh tentang agama. Hal ini kerana, tidak mahu adat yang diamalkan oleh masyarakat berbeza jauh dengan kefahaman Islam. Kemasukan Islam dalam adat ini dilakukan secara harmoni bagi membetulkan lagi tradisi yang telah dilakukan menurut Irfan Ahmad (2011: p.107).

Menerusi teks *Undang-Undang Kedah (1893)* kemasukan Islam dilaksanakan dalam fasal yang berkaitan dengan kahwin. Kahwin menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2017: p.654) menyatakan bahawa perikatan yang sah antara lelaki dengan perempuan dalam menjadi suami isteri. Akan tetapi dalam persetujuan kahwin ini juga memerlukan orang ketiga dalam perkahwinan iaitu wali.

Wali Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2017: p.1797) adalah orang yang mempunyai kaitan darah iaitu bapa, datuk, abang, bapa saudara, sepupu lelaki yang membolehkan seseorang perempuan itu berkahwin.

Adat perkahwinan ini mempunyai beberapa syarat sah yang perlu diikuti mengikut kepada teks undang-undang ini. Hal ini kerana, perkara-perkara yang ditetapkan dalam teks ini sudah pun merujuk kepada al-Quran dan Hadis dalam menyatakan syarat sah kahwin yang memerlukan seorang wali. Contoh petikan seperti berikut:

*“Fasal pada menyatakan hukum kahwin itu, apabila ada perempuan itu berbapa atau bernenek atau saudara laki-laki, itulah akan walinya. Jika ada anaknya itu mungkar maka tiada jadi serta bertanya redanya itu, jika ada baginya besar, yakni akil baligh itu, maka sunat. Tetapi, jika tiada ditanya pun, harus, hanya tiada beroleh sunat pada zahir, pada kaul zahir.”*

*(Undang-Undang Kedah 1893: p.73)*

Merujuk kepada petikan diatas menyatakan bahawa tentang hukum kahwin yang memerlukan wali sebagai syarat sah kahwin. Syarat sah kahwin menurut Rohidzir Rais (2013: p.180) menyatakan bahawa memerlukan wali merupakan satu rukun nikah yang wajib dalam perkahwinan dan tanpa kebenaran wali yang berhak keatas pengantin perempuan adalah tidak sah. Dalam teks ini dapat dilihat syarat sah yang mengikut kepada Islam ditetapkan dalam fasal berkaitan dengan kahwin. Sekali gus syarat ini perlu diikuti oleh masyarakat dengan patuh dan jika tidak berbuat demikian batal akan perkahwinan tersebut.

Masyarakat Melayu Kedah juga pada zaman dahulu mengamal adat yang bertentangan dengan Islam seperti kepercayaan kepada animisme serta menyembah berhala dan sebagainya. Menurut Wan Faizah Wan Yusoff (2013: p.70) menyatakan bahawa sebelum

kedatangan Islam, kepercayaan masyarakat Melayu berasaskan kepada animisme dan dinamisme. Sistem kepercayaan animism merujuk kepada kepercayaan bahawa setiap objek mempunyai jiwa, roh dan semangat yang tersendiri. Manakala dinamisme adalah pemujaan dan juga pantang larang dalam mengubati penyakit dan juga memperoleh bantuan.

Menerusi kepercayaan-kepercayaan yang merupakan adat yang telah diamalkan dahulu diambil kira dalam teks undang-undang ini dengan menyatakan fasal murtad bagi mereka yang berbuat demikian. Kepercayaan yang dilakukan itu adalah bertentangan dengan Islam dan menyebabkan murtad kepada Allah SWT. Jadi dengan pengubahan teks undang-undang ini membetulkan semula kepercayaan dan juga ajaran mengikut kepada Islam. Murtad menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2017: p.1058) adalah orang yang keluar daripada Islam, sama ada melalui perbuatan, perkataan atau niat. Contoh petikan yang berkaitan dengan fasal murtad adalah seperti berikut:

*“Fasal pada menyatakan hukum murtad. Apabila seorang Islam itu murtad maka disuruh taubat tiga kali. Jika tiada mahu, dibunuh, dan tiada disembahyangkan dan jangan ditanamkan pada kubur orang Islam. Bermula orang sembahyang atas dua perkara: tiada meninggalkan dan tiada diiktikadkannya pada fardu. Jika tiada ia sembahyang kesekiannya, tiada ia mungkar, disuruh taubat seperti menyuruh taubat orang murtad, tiga kali. Jika sembahyang baik pada jalannya itu. Jika tiada sembahyang, dibunuh hukumnya seperti Islam hatinya, ditanam pada kubur Islam.*

*(Undang-Undang Kedah 1893: p. 82)*

Petikan di atas merujuk kepada hukuman yang dikenakan kepada seorang Islam yang murtad kepada Allah SWT. Hukuman yang dikenakan adalah dibunuh bagi mereka yang tidak bertaubat. Menurut Ahmad Farouk Musa (2018: p.227) menyatakan bahawa ulama seperti Ibn Taymiyyah yang hukuman bunuh bagi golongan murtad dengan

mengikut Shari'ah kerana mereka adalah musuh Islam semasa pemerintahan pada masa itu. Selain itu, menerusi teks undang-undang ini golongan murtad ini juga diberikan tiga kali taubatnya kepada Allah SWT dengan sembahyang yang perlu dilakukan dan jika tidak berbuat demikian hukuman yang berat baginya dan juga tidak ditanamkan mengikut kepada cara Islam. Seperti yang telah dinyatakan dalam petikan diatas menerusi paksaan perubahan cara hidup masyarakat Melayu dahulu perlu ditukarkan kepada cara hidup Islam dengan tegas dan jika mereka tidak berbuat demikian maka hukuman bunuh akan dikenakan kepada mereka. Hal ini membuktikan lagi bahawa adat yang diamalkan pada zaman dahulu juga digubal akan kepercayaan mereka mengikut kepada kepercayaan kepada Islam iaitu hanya Allah SWT SWT tuhan yang satu.

#### 4.2.1.3 Kekuasaan paksaan dalam pelaksanaan peraturan

Kekuasaan paksaan mengikut kepada syariat Islam dijalankan dalam peraturan yang mengikut kepada al-Quran. Peraturan yang dilaksana ini hendaklah dipatuhi oleh semua masyarakat dan jika melawannya dianggap sebagai derhaka. Peraturan telah ditetapkan oleh golongan raja dengan paksaan dimana golongan di bawah pemerintahnya hendak mengikutinya sama ada secara terpaksa. Hal ini kerana, setiap peraturan yang dilaksanakan ini adalah untuk menjamin kedudukan pemerintah. Menurut Yusoff Iskandar (1992: p.56) menyatakan bahawa peraturan ini diwujudkan adalah tidak lain daripada percubaan mencipta sesuatu "hukum" dan tatacara negeri supaya pemerintah dapat dibezakan daripada golongan yang diperintah.

Menerusi pelaksanaan peraturan bagi membezakan kedudukan pemerintah ini bukan sahaja hanya untuk kepentingan sendiri, malahan

juga untuk menegaskan pemerintahan berasaskan Islam. Disebabkan itu, pelaksanaan peraturan yang tegas dan juga secara paksa dikenakan kepada masyarakat di negeri Kedah. Peraturan yang dikenakan mengikut kepada hukuman yang dijatuhkan oleh hakim yang meliputi kepada beberapa perkara. Antara contoh petikan adalah seperti berikut:

*“Adapun dosa yang tiada dapat (di) ampuni segala hakim itu tiga perkara: suatu, dosa {dan} membunuh; Kedua, mengambil isteri orang; ketiga, maharajalela (Jalil), itulah tiada dapat segala menteri mengampuni dia melainkan raja juga semata-mata”.*

*(Undang-Undang Kedah 1893: p. 52)*

Menerusi petikan diatas menyatakan bahawa peraturan yang telah ditetapkan kepada golongan rakyat. Petikan ini juga menyatakan bahawa dosa-dosa berat yang tidak dapat diampuni adalah hukuman disebabkan oleh membunuh. Peraturan yang dikenakan mempunyai kaitan dengan definisi Qisas iaitu tentang membunuh. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2019: p.9) menyatakan definisi Qisas adalah hukum bunuh balas yang disebabkan kematian yang disengajakan. Perkara ini juga adalah hukuman qisas iaitu perbuatan melukakan seseorang lain dengan sengaja (Ibn al-Kathir, 1998: p.1/357). Hukum qisas ini adalah syariat Islam yang merujuk kepada al-Quran menerusi Surah al-Baqarah (ayat 178-179).

Mengambil isteri orang juga adalah kesalahan besar jika mengikut kepada syariat Islam. Menurut Abd. Jalil Borham (2015: p.92) menyatakan dalam Kanun Melaka iaitu perundangan Islam memperuntukkan adalah hukum mengambil isteri orang itu mati hukumnya dan adapun pada hukum Allah SWT tiada demikian, hanya disuruhkan hakim bersumpah atas bertaubat daripada perbuatan itu. Perkara ini mempunyai kaitan dengan perundangan yang ditetapkan

dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Mengambil isteri orang juga adalah perbuatan terkutuk yang amat dimurkai oleh Rasulullah SAW yang turut disebutkan dalam sebuah hadis. Contoh tafsiran hadis seperti berikut:

*“Bukan dalam golongan kami (umat Nabi Muhammad) orang yang merosakkan ikatan seseorang isteri dengan suaminya.”*

*(hr abu daud: 2175 juga dinilai sahih oleh*

*As-Syaikh Al-Albani dalam "Sahih wa dho'if sunan abi daud")*

Petikan di atas menunjukkan bahawa Raja menjadi orang yang bertanggungjawab dalam pengampunan kepada golongan yang melakukan sesuatu dosa yang tidak dapat diampuni. Hal ini kerana, kuasa keampunan terletak di tangan raja kerana mereka ini adalah orang yang berkuasa dalam negeri tersebut dan segala peraturan yang ditetapkan ini adalah daripada mereka. Walaupun hukum bunuh ini adalah kejam walaupun hukumnya mengikut Islam adalah bertaubat, akan tetapi bagi memastikan syariat Islam perlu dipatuhi jadi peraturan yang keras dilaksanakan bagi memberi pengajaran yang penting kepada masyarakat.

#### 4.2.2 Prinsip kekuasaan sah

Kekuasaan Sah ini merupakan kekuasaan yang diperoleh dari atas dasar kekaguman, keteladanan, karisma dan kepribadian dari seorang pemimpin. Kekuasaan sah ini juga dikatakan sebagai secara turun temurun pada zaman tradisional dan juga mengikut kepada hierarki yang menunjukkan bahawa golongan pemimpin di antara orang yang tertinggi dalam sesebuah pemerintahan menurut William Cohen (2002, p.79). Dalam pada itu juga, kekuasaan Sah ini adalah untuk memastikan golongan pemerintah ini sentiasa



mentadbir mereka dan juga tidak ada yang boleh mengambil alih pemerintahan yang telah dijalankan.

Menerusi Kekuasaan Sah ini juga telah didapati dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* dimana di dalam sistem pemerintahan dan juga pelaksanaan peraturan itu mempunyai kaitan dengan kekuasaan pemerintah. Dengan pelaksanaan peraturan ini mampu melihatkan lagi kekuasaan mereka dalam sistem pemerintahan. Menurut Norhayati Abdul Rahman (2009: p.3) menyatakan keupayaan mereka membuat peraturan dan bagi memastikan kekuasaan mereka ini adalah sebuah institusi pemerintahan yang kekal menjadi di sesebuah kawasan tersebut.

#### 4.2.2.1 kekuasaan sah dalam pemerintahan

Dalam pemerintahan golongan pemerintah perlu membentuk satu sifat kepatuhan rakyat dalam mendeklarasikan mereka sebagai sebuah pemerintah yang sah. Jadi bagi memastikan kekuasaan mereka yang sah dalam sistem pemerintahan, konsep daulat digunakan oleh golongan raja iaitu yang dikaitkan dengan konsep “kena tulah” menurut Salmah Jan Noor Muhammad (2018: p.57). Dengan kewujudan konsep ini golongan rakyat perlu mematuhi segala titah dan arahan daripada raja. Hal ini kerana, golongan masyarakat Melayu percaya bahawa rakyat yang ingkar akan arahan dianggap sebagai derhaka. Menurut Siti Hawa Haji Salleh (2006: p.16) menyatakan bahawa rakyat yang patuh dan taat menerima ganjarannya sementara yang menentang akan menerima padahnya.

Menerusi Teks *Undang-Undang Kedah (1893)* konsep daulat ini dikiaskan dalam teks tersebut. Hal ini kerana, setiap perkara yang berlaku di negeri bawah pemerintahannya hendaklah ianya mengetahui permasalahan tersebut dan juga golongan yang berbuat jenayah. Bukti

kekuasaan sah yang ditonjolkan dalam analisis teks undang-undang ini dapat dilihat dalam undang-undang jenayah yang diwujudkan oleh golongan raja kepada rakyat. Hal ini kerana mahu mengukuhkan kekuasaannya sebagai pemerintah di negeri tersebut menurut Salmah Jan Noor (2018: p. 57). Setiap jenayah yang dilakukan terdapat hukuman yang akan dikenakan. Setiap hukuman yang dikenakan kepada pesalah semestinya diberitahu kepada raja. Perkara ini dapat kita lihat menerusi contoh petikan dibawah:

*“Fasal yang menyatakan hukum orang membunuh tiada dengan setahu raja-raja atau tiada orang besar itu, jikalau dibunuhnya dengan dosanya sekalipun, hukumnya denda sepuluh tahl sepaha, salahnya tiada memberitahu raja atau hakim (sekalipun) harus dibunuh, tiada salahnya. Adapun jikalau ada ia tertangkap atau dipertegahkan maka dosanya patut dibunuh, maka dibunuhnya.  
(Undang-Undang Kedah 1893: p. 51)*

Menerusi petikan diatas dapat dilihat tentang petikan yang menyatakan bahawa setiap hukuman yang dikenakan hendaklah memberitahu kepada golongan raja ataupun pembesar. Jikalau tidak berbuat demikian akan dikenakan denda yang telah ditetapkan atas kesalahan tidak memberitahu tentang membunuh itu. Hal ini kerana, bagi menampakkan kekuasaan mereka dalam pemerintahan tersebut yang menyebabkan segala hukum orang membunuh hendaklah diberitahu mereka terlebih dahulu. Malahan golongan pemerintah ini bukan sahaja pemerintahan yang sah, akan tetapi mereka juga adalah sebagai wali Allah SWT.

Seterusnya adalah dinyatakan tentang perkara-perkara yang tidak boleh dilalui perkataannya iaitu dalam hukum bahasa raja-raja. Bagi memastikan kuasa pemerintah sebagai pemerintahan sah, dinyatakan hukum bahasa raja-raja bagi memberitahu kepada rakyat di bawah

pemerintahannya. Hal ini kerana, melalui hukum berbahasa ini sedikit sebanyak menunjukkan golongan pemerintah ini adalah pemerintah yang kekal di negeri tersebut. Perkara ini dapat dilihat melalui petikan dibawah:

*“Empat perkara yang tiada boleh dilalui perkataannya, pertama-tama, Allah SWT taala dan Rasul-Nya; Kedua, raja; Ketiga, guru; Keempat, ibu bapa. Jika dilalui perkataannya dinamai akan dia mereka yang derhaka. Bahawasanya Allah SWT tiada memberi nikmat kepada mereka yang derhaka”.*

*(Undang-Undang Kedah 1893: p.41)*

Merujuk petikan di atas dapat dilihat tentang perkara yang tidak boleh dilalui dengan kata dimana raja disenaraikan dalam golongan yang ketiga. Akan tetapi, menerusi contoh teks ini juga dapat kita lihat dimana empat perkara tersebut yang pertama Allah SWT dan Rasul-Nya diletakkan ditempat yang tertinggi. Rasul-Nya yang disebutkan adalah utusan Allah SWT yang perlu ditaati dengan seizinnya dan tidak boleh ditentang akan perintahnya kerana mereka sekadar juru nasihat dan pembimbing (Sayyid Quthb, 2001: p.319). Kedudukan raja hanyalah sekadar kekuasaan dibawah negeri naungannya akan tetapi Allah SWT dan Rasul-Nya adalah Maha yang berkuasa. Sekali gus menunjukkan bahawa teks ini sememangnya mempunyai kaitan dengan Islam dimana Allah SWT dan Rasul dinyatakan dalam teks ini.

#### 4.2.2.2 kekuasaan sah dalam pelaksanaan peraturan

Dalam pelaksanaan teks *Undang-Undang Kedah (1893)* menyentuh tentang kekuasaan sah yang terdapat dalam peraturan.

Peraturan yang dinyatakan ini akan memberitahu tentang kekuasaan mutlak golongan raja dan tiada siapa yang boleh menghalangnya dalam melaksanakan peraturan. Selain itu, dalam teks undang-undang ini juga mendapati bahawa kekuasaan raja adalah secara turun-termurun dan

yang mempunyai darah keturunan raja sahaja yang akan memerintah di negeri tersebut. Menurut Asmaeny Azis (2018, p.27) menyatakan bahawa kekuasaan seorang raja maupun ratu yang berkuasa secara turun temurun, mereka menganggap bahawa legitimasi atas kekuasaannya merupakan perintah Tuhan yang mutlak.

Menerusi teks undang-undang ini dapat mengenalpasti bahawa dengan peraturan yang ditetapkan ini meletakkan raja sebagai golongan ketiga yang terpenting selepas Allah SWT dan RasulNya. Di mana setiap peraturan yang ditetapkan raja tidak boleh ingkar dan juga beberapa perkara yang membabitkan raja seperti contoh yang berikut:

*“Fasal yang menyatakan kanun, ertinya turun-temurun perintah adat raja-raja itu empat perkara yang tiada boleh diubahkan. Pertama, mengampuni dosa hambanya; kedua, murah tangannya; ketiga, menyuruh periksa tentukan kesalahan seorang; keempat, melakukan hukumannya yang sebenar dengan keras”.*

*(Undang-Undang Kedah 1893: p.40)*

Menerusi petikan diatas dapat dilihat tentang hukum kanun yang ditetapkan sendiri oleh raja iaitu melalui empat perkara. Perkara-perkara tersebut adalah mengampuni dosa hambanya di mana hanya golongan raja sahaja menjadi pengampun kepada hambanya jika melakukan kesalahan dan juga melanggar peraturan yang ditetapkan. Di samping itu, dalam kekerasannya ada juga baiknya golongan raja yang murah tangannya tidak boleh dipertikai dan sememangnya termaktub dalam peraturan tersebut. Bagi menentukan kesalahan seseorang hanya golongan raja sahaja yang berhak dan segala peraturan yang dibuatnya itu haruslah dipatuhi, walaupun peraturan yang ditetapkan oleh golongan raja adalah keras.

Seperti yang dinyatakan dalam teks undang-undang ini mendapati peraturan yang dilaksanakan ini adalah sangat keras dan juga

meletakkan golongan raja ini sebagai golongan yang terpenting. Peraturan yang ditetapkan bukan sahaja bagi memastikan rakyat mengikut kepada syarat tersebut akan tetapi mahukan golongan rakyat ini mengetahui bahawa raja adalah kuasa yang sah dalam negeri tersebut.

#### 4.2.3 Prinsip kekuasaan rujukan

Kekuasaan rujukan bermaksud gabungan atau kumpulan dalam sesebuah organisasi. Dari segi sistem pemerintahan rujukan ini perlulah memerlukan kata sepakat dalam pelaksanaan undang-undang yang dijalankan. Kekuasaan ini juga perlu merujuk kepada asas pemerintahan yang hendak dijalankan. Seperti contoh rujukan yang mengikut kepada asas agama Islam yang menjadi rujukan kepada pemerintah tersebut.

Menurut K.H Timotius (2020: p.232) menyatakan bahawa kekuasaan rujukan ini merupakan kekuasaan yang diperoleh atas dasar kekaguman, keteladanan, karisma dan kepribadian dari seorang pemimpin. Hal ini dapat kita lihat menerusi teks undang-undang ini dimana raja antara orang yang mempunyai kepribadian dan karisma yang tersendiri dalam melaksanakan peraturan-peraturan yang merangkumi segala aspek yang berkaitan pemerintahan, adat, masyarakat dan juga Islam. Jadi aspek kekuasaan rujukan itu dapat dilihat dimana teks ini mengambil keteladanan yang telah terjadi pada zaman nabi terdahulu yang terdapat dalam teks undang-undang ini.

##### 4.2.3.1 Kekuasaan rujukan melalui sistem pemerintahan

Dalam sistem pemerintahan di negeri Kedah ini dapat dikenal pasti tentang rujukan yang diambil dalam menyatakan teks undang-undang ini. Antara rujukan yang diambil adalah melalui al-Quran dimana segala maksud yang dinyatakan itu menjadi satu titik rujukan dalam sistem pemerintahan. Hal ini kerana, melalui perkara tersebut dapat

menjadi tauladan serta iktibar kepada mereka dalam menyatakan sesuatu sistem pemerintahan. Antara yang disebutkan dalam teks undang-undang ini adalah melalui tugas syahbandar dalam perniagaan.

Perniagaan adalah sangat penting dalam masyarakat dan juga kepada negeri Kedah dan sistem pemerintahan yang adil perlu dilaksanakan dalam undang-undang ini. Menerusi teks ini dapat dilihat tentang kepentingan dalam menyamai cupak dan gantang dalam timbangan. Timbangan dalam kehidupan seharian manusia membawa maksud hasil menimbang atau fikiran tentang baik atau buruk suatu perkara (Dewan Bahasa Pustaka, 2017: p. 5). Manakala menurut Zulhilmi Mohamed (2015: p.3) menyatakan manusia menggunakan alat penimbang untuk mengukur berat sesuatu barangan dan sebagainya. Perkara ini adalah tugas syahbandar yang telah dilantik oleh raja dalam berlaku adil dan juga tulus melakukan tugas tersebut. Perkara ini disebut melalui fasal yang menyatakan pekerjaan Syahbandar, contoh petikan adalah seperti berikut:

*“Dan, wajib menyuruh menyamai cupak dan gantang dan timbangan, jangan diberi kecil besar, mahulah sama sekalian itu, kerana firman Allah SWT taala: ‘Hendaklah sempurna oleh kamu segala sukatan dan timbangan segala ia isi negeri kamu.’ Maka itulah difardhukan atas sekalian raja-raja yang mempunyai kuasa menyuruh menyamai sukatan dan timbangan kerana beberapa kaum nabi yang dahulu-dahulu itu (di) suruhkan Allah SWT taala menyampaikan pada segala kaumnya menyamai sukatan dan timbangan. Maka tiadalah diturut oleh mereka.*

*(Undang-Undang Kedah 1893: p.12)*

Menerusi contoh petikan diatas dapat dilihat bahawa teks undang-undang ini mengambil rujukan al-Quran dimana menyatakan firman Allah SWT dalam perniagaan iaitu menyamai cupak dan gantang. Tugas yang dilakukan hendaklah adil dan tidak boleh mempunyai

sebarang unsur penipuan serta aniaya dalam pekerjaan Syahbandar disebabkan oleh tanggungjawab yang sangat besar. Dalam Islam setiap hamba Allah SWT hendaklah mengukur atau menimbang amal kebajikannya atau memastikan timbangan amal kebajikan sentiasa lebih berat dari amal keburukan (Zulhilmi Mohamed, 2015: p.3). Perkara ini mempunyai kaitan dengan perniagaan jika berlaku penipuan dalam timbangan akan menyebabkan mereka dilaknat oleh Allah SWT swt.

Dalam sistem pemerintahan ini juga dikenalpasti bahawa teks undang-undang ini mengambil rujukan hadis. Hal ini dapat dilihat menerusi beberapa contoh yang dinyatakan di dalam teks undang-undang ini iaitu fasal yang menyatakan pekerjaan syahbandar. Hadis yang dirujuk adalah daripada hadis Nabi Muhammad SAW adalah al-Quran yang menjadi rujukan utama dan wajib mengikuti segala kandungan di dalam sumber-sumber tersebut menurut Muhammad Daud Bakar (2017: p.46). Melalui teks undang-undang ini adalah menyatakan tentang rujukan al-Quran dimana ianya menyatakan tentang tanggungjawab dalam pekerjaan. Contoh petikan seperti berikut:

*“Syahadan maka hendaklah sungguh-sungguh kerasi suruh menyamai sukatan dan timbangan itu kerana pekerjaan aniaya di dalam hadis Nabi Muhammad Mustafa sallAllah SWT alaihi wasallam, pada sehari tujuh kali diturunkan Allah SWT ta'ala laknat di dalam pesara itu. Sebab itulah syahbandar dan mata-mata berganti-ganti bersambang pada ketika malam serta sakau panglima bandar.*

*(Undang-Undang Kedah 1893, p.13)*

Menerusi petikan dinyatakan tentang pekerjaan syahbandar dalam menyamai cupak dan gantang kerana perkara itu adalah satu tanggungjawab yang sangat penting tanpa sedikitpun kesilapan. Jika berlaku peraniayaan tersebut maka dinyatakan kepada golongan syahbandar bahawa pekerjaan tersebut akan dilaknat Allah SWT kelak.

Petikan ini juga mengambil contoh daripada hadis Nabi Muhammad SAW yang dinyatakan dalam teks undang-undang tersebut.

#### 4.2.3.2 kekuasaan rujukan melalui pelaksanaan peraturan

Menerusi teks *Undang-Undang Kedah (1893)* dapat dikenalpasti tentang beberapa rujukan yang diambil berdasarkan kepada hukum dan juga prinsip Islam dalam pelaksanaan peraturan yang ditetapkan. Perkara ini adalah sangat penting dalam mengambil Islam sebagai rujukan berdasarkan kepada syarat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Menurut Sakinah Salleh (2011: p.18) menyatakan bahawa peraturan-peraturan serta syarat-syarat yang ditetapkan oleh Allah SWT yang tujuannya bukanlah dengan kepentingan-Nya, tetapi demi kebahagiaan, kesenangan serta keharmonian yang terbaik kepada kehidupan setiap insan.

Pelaksanaan peraturan yang dapat dikenalpasti dalam menjadi rujukan daripada Islam adalah kahwin. Menurut Syamsurizal (2017: p.2) menyatakan bahawa pernikahan merupakan peristiwa yang mampu membangunkan sebuah kompilasi peradaban manusia yang mesti dilestarikan dan peristiwa *fitriah* manusia dalam menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan supaya bertumbuh dan berkembang. Pernikahan mempunyai beberapa syarat sah dan rukun kahwin yang telah dinyatakan dalam teks undang-undang ini. Bagi setiap perkahwinan mempunyai syarat-syarat serta rukun yang mengikut kepada Islam. Dalam Islam rukun nikah mempunyai 5 perkara yang telah ditetapkan iaitu yang pengantin lelaki, pengantin perempuan, adanya wali, dua orang saksi lelaki, ijab dan Kabul (akad nikah). Jadi menerusi teks undang-undang ini mengambil rujukan Islam dalam peraturan yang telah



ditetapkan dalam fasal perkahwinan. Contoh petikan adalah seperti berikut

*“Fasal yang menyatakan hukum kahwin itu, apabila ada perempuan itu berbapa atau bernenek atau saudara laki-laki, itulah akan walinya. Jika ada anaknya itu mungkar maka tiada jadi serta bertanya redanya itu, jika ada baginya besar, yakni akil baligh itu, maka sunat. Tetapi jika tiada ditanya pun, harus, hanya tiada beroleh sunat pada zahir, pada kaul zahir”.*

*(Undang-Undang Kedah 1893: p.73)*

Petikan diatas menyatakan fasal hukum kahwin yang memerlukan wali sebagai wakil kepada pihak perempuan. Wali ada rukun yang ketiga dalam perkahwinan yang memerlukan wali disebelah perempuan sebagai rukun sah kahwin. Menurut (Mohd Salleh, 2006: p.398) menyatakan bahawa kepentingan wali ini bertujuan menjaga kepentingan wanita itu sendiri dan keluarga asalnya juga. Hal ini kerana wali mempunyai hak dalam menentukan wakil dan mempunyai kuasa untuk mewakilkannya secara umum bagi wanita.

Seterusnya adalah fasal yang berkaitan dengan tuduhan zina atau fitnah. Berdasarkan teks undang-undang ini dapat dikenalpasti tentang rujukan terhadap peraturan yang dilaksanakan iaitu tuduhan zina. Menurut Syaikh Muhammad Hassan (2019: p.741) menyatakan bahawa dalam Islam menganggap bahawa tuduhan zina salah satu dosa besar yang memerlukan hukuman dikenakan kepada pelakunya. Hal ini kerana, perbuatan tersebut adalah satu bentuk pelanggaran terhadap kehormatan dan melukai kemuliaan dengan ucapan tersebut. Dalam Islam adalah juga menyebut tentang tuduhan zina dalam firman Allah SWT Ta’ala:

*“Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka (yang menuduh itu) delapan puluh kali*

*dera, dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya, kerana mereka adalah orang-orang yang fasik”.*

*(Surah al-Nur, Ayat 4)*

Firman Allah SWT Ta'ala diatas menyatakan tentang tuduhan zina yang memerlukan 4 orang saksi dalam melakukan tuduhan tersebut. Perkara ini juga ada dinyatakan dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* yang mengambil rujukan al-Quran dalam peraturan yang ditetapkan. Perkara ini dapat dilihat menerusi contoh dibawah:

*“Bermula tiada padanya zina, iaitu melainkan empat orang laki-laki dan jika tiada empat orang dua laki-laki yang menjadi saksi”.*

*(Undang-Undang Kedah 1893, p.82)*

Menerusi petikan diatas dapat dilihat tentang peraturan yang dikenakan kepada tuduhan zina yang memerlukan saksi yang telah ditetapkan. Peraturan ini sama dengan peraturan yang ditetapkan dalam al-Quran di mana tuduhan zina ini bukanlah sesuatu perkara yang kecil. Akan tetapi, tuduhan zina ini adalah suatu dosa yang sangat besar dan jikalau tuduhan tersebut tidak dapat dibuktikan maka mereka adalah kategori orang-orang yang fasik. Fasik adalah orang yang tidak taat atas ajaran Islam dan terbahagi kepada dua iaitu belum beriman kepada Allah SWT atau yang sudah beriman namun tetap melanggar perintah dan larangan Islam.

#### 4.2.3.3 kekuasaan rujukan melalui undang-undang adat

Undang-undang adat di dalam teks ini memfokuskan kepada golongan raja yang memerintah dimana adat istiadat serta beberapa perkara yang berkaitan adat raja dikekalkan dan tidak boleh disentuh. Hal ini kerana, raja mempunyai kuasa mutlak dalam pentadbiran dan segala adat istiadatnya perlu dikekalkan bagi memartabatkan keunggulan adat raja. Raja merupakan ketua agama di negeri bawah pemerintahan

mereka dan juga bertanggungjawab menjaga agama Islam serta sebarang pindaan tentang agama Islam adalah atas keputusan mereka (Nazri Muslim, 2013: p.5). Hal ini bagi memastikan agama Islam di negeri bertanggungjawab mereka ini sentiasa dikekalkan, maka adat raja dikekalkan bertujuan bagi menampakkan kedudukan mereka dalam memelihara agama Islam. Seperti contoh petikan seperti berikut:

*“Fasal yang pertama pada menyatakan adat majlis segala raja-raja dan adat pakaian sekalian raja-raja dan larangan segala raja-raja kepada pakai oleh sekalian rakyat. Maka ketahui olehmu bahawa tiada harus dipakai sekalian/ pada orang besar-besar itu. Jikalau pakai oleh orang lain dengan tiada ada nama anugerah itu dibunuh hukumnya itu. Demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis, jarang, berbayang-bayang itu seperti khasa dan halimunan pada balai raja atau di dalam kerja melainkan dengan titah kurnia atau dilorekkan boleh pakainya. Jikalau lain itu daripada itu nescaya dicarikkan atau ditolakkan hukumnya. Demikian lagi memakai hulu keris emas seperti hardis dan barang sebungkal, itu pun tiada boleh dipakai orang lain melainkan dengan nama kurnia anugerah itu maka dapat. Jikalau orang memakai dia, maka hukumnya dirampas. Adapun yang memberi anak cucunya hulu keris emas itu melainkan bendahara juga, maka tiadalah orang lain memakainya”.*

*(Undang-Undang Kedah 1893: p.49)*

Petikan diatas menyatakan tentang adat majlis raja-raja dan juga adat pakaian sekalian raja serta larangan kepada golongan rakyat dalam memakainya. Hal ini kerana, adat raja-raja perlu dipelihara bagi memastikan kedudukan mereka dalam pemerintahan. Selain bagi menampakkan perbezaan diantara golongan pemerintah serta golongan yang diperintah. Menurut Abdul Aziz Bari (2005: p.10) menyatakan bahawa adat ini adalah untuk memastikan kedudukan mereka tidak terjejas sebagai ketua agama di negeri tersebut.

Selain itu, dinyatakan juga tentang jenis pakaian yang nipis, jarang serta jarang yang membolehkan tubuh mereka nampak. Hal ini

kerana, pakaian tersebut adalah pakaian yang haram dipakai oleh sekalian rakyat kerana perkara ini ada disebutkan didalam hukum Allah SWT. Menurut Khairul Anuar (2020: p.5) menyatakan bahawa dalam hadis Rasulullah ada menerangkan mengenai golongan yang berpakaian namun dikira sebagai telanjang. Contoh petikan seperti berikut:

*“Dan wanita-wanita yang berpakaian tetapi bertelanjang, cenderung kepada kemaksiatan dan membuat orang lain cenderung kepada kemaksiatan”.*

*(Hadis Riwayat Muslim 2128)*

Dalam memahami maksud hadis tersebut, Syeikh Muhammad Ali as-Sobuni ada menyatakan maksud mereka yang berpakaian tetapi bertelanjang dalam tafsirnya adalah seperti berikut.

*“Berpakaian namun bertelanjang pada hakikatnya, kerana mereka memakai pakaian yang tidak menutupi badan dan menyembunyikan aurat, dan tujuan berpakaian ialah menutupi (aurat), maka sekiranya pakaian itu tidak menutupi (auratnya) maka si pemakainya dikira bertelanjang.*

*(Tafsir Rawai’ul Bayan 2/385)*

Berdasarkan petikan di atas pakaian yang disebutkan adalah pakaian yang bersifat ketat apatah lagi yang nipis sehingga tidak menutupi badan si pemakainya dikira sebagai telanjang. Hal ini juga seperti yang dinyatakan melalui adat berpakaian dimana di dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini jelas sekali menyatakan bahawa larangan berpakaian ketat kerana ianya adalah salah satu daripada larangan Islam dan hukumnya adalah haram serta berdosa.

#### 4.4 Kesimpulan

Analisis dapat kajian bab ini membuktikan bahawa pengaruh Islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* berada dalam landasan yang sejajar dengan ketiga-tiga prinsip dalam teori Kuasa iaitu prinsip kekuasaan paksaan, prinsip kekuasaan sah dan prinsip kekuasaan rujukan. Ketiga-tiga prinsip Teori Kuasa dibuktikan dengan

menjelaskan pengaruh Islam dalam undang-undang adat, pemerintahan dan juga peraturan. Selain itu, dalam mengenalpasti pengaruh Islam juga telah dibuktikan dengan menjelaskan Islam yang menjadi rujukan dalam teks *Undang-Undang Kedah 1893* karya penulisan semula Maryam Salim (2005). Pada peringkat pertama iaitu mengenal pasti pengaruh Islam yang terkandung dalam teks undang-undang melalui semua aspek telah menjawab kepada persoalan dengan kehadiran Islam di dalam teks sebagai kata pengantar dan juga fakta-fakta lain yang telah dijadikan contoh menguatkan lagi analisis dapatan kajian ini.

Teks undang-undang ini juga turut dibuktikan dengan prinsip teori yang diaplikasikan dalam teks. Prinsip teori ini dipercahkan kepada beberapa bahagian iaitu dengan membuktikan prinsip tersebut dalam tiga aspek iaitu pemerintahan, adat dan juga peraturan. Setiap aspek tersebut telah dihuraikan dengan memasuki fakta-fakta yang membuktikan lagi teks undang-undang ini mempunyai kehadiran ketiga-tiga prinsip tersebut. Seperti contoh prinsip kekuasaan paksaan dimana dibuktikan bahawa golongan raja ini mengubal sesuatu peraturan dengan paksaan agar golongan rakyat ini menerima dengan peraturan yang telah ditetapkan. Selain itu, bagi prinsip kekuasaan sah pula dibuktikan dengan beberapa contoh yang dikemukakan menerusi golongan raja ini mengiktiraf diri mereka sebagai pemerintah yang sah. Hal ini kerana, sejak dahulu lagi iaitu zaman kesultanan Melayu sememangnya memastikan pemerintahan mereka kekal melalui pemerintahan secara turun-temurun. Bagi prinsip kekuasaan rujukan dapat dibuktikan dengan al-Quran dan juga hadis-hadis Rasulullah serta ajaran daripada Islam yang dijadikan panduan dalam pelaksanaan peraturan yang telah ditetapkan.

Setelah analisis terhadap pengaruh Islam ini dibuktikan serta ketiga-tiga prinsip ini ditemukan dalam teks *Undang-Undang Kedah 1893*, maka terjawablah bahawa teks undang-undang ini semestinya mengambil rujukan serta panduan daripada Islam. Contoh-contoh yang dikemukakan juga telah dibandingkan dengan hukum dan syarat

yang ada dalam Islam dijelaskan didalam dapatan kajian. Selain itu, dalam memperjelaskan lagi dengan lebih mendalam kesan elemen Islam dalam teks undang-undang ini juga dapat membuktikan lagi bahawa teks ini jelas mengambil panduan berdasarkan al-Quran dan hadis dan tidak lari jauh dengan perkara-perkara yang telah ditetapkan dalam Islam.

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Elemen Islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)* ini telah dibuktikan dalam analisis dapatan kajian yang telah merungkaikan pengaruh Islam dalam serta kesan Islam dalam teks undang-undang ini. Secara khususnya, kajian ini meletakkan kedudukan Islam di takhta dimana sejarah yang menyatakan bahawa teks undang-undang ini mempunyai kaitan dengan kemasukan Islam ke negeri Kedah pada awal zaman dahulu. Kedudukan ini bukan sahaja mengangkat Islam sebagai asas kepada teks undang-undang ini malahan dalam menjadikan teks undang-undang ini lebih sempurna, Islam dijadikan kayu ukur serta landasan utama bagi melaksanakan peraturan-peraturan yang berasaskan Islam.

Teks undang-undang ini juga diharapkan mampu memberi manfaar serta kesan kepada masyarakat sebagaimana peranan sastera sebagai cerminan masyarakat. Melalui teks undang-undang ini dapat memperlihatkan tentang budaya Islam yang sudah pun dijalankan sejak dahulu lagi. Segala pelaksanaan peraturan semestinya mengambil rujukan kepada al-Quran dan Hadis sebagai panduan utama. Selain itu, bagi mencapai tujuan penyelidikan juga menggunakan Teori Kuasa dalam penyelidikan bagi menampakkan jenis kekuasaan yang digunakan dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Seperti yang telah ditemukan didalam dapatan kajian dapat dilihat tiga prinsip tersebut telah digunakan dalam sistem pemerintahan, peraturan dan juga adat. Prinsip

yang dinyatakan adalah prinsip kekuasaan paksaan, kekuasaan sah dan kekuasaan rujukan.

## 5.2 Rumusan

Setelah meneliti dan melakukan analisis berkenaan kajian elemen Islam dalam teks *Undang-Undang Kedah (1893)*, maka telah membuktikan setiap objektif yang disasarkan. Teks undang-undang ini dibuktikan mempunyai pengaruh Islam berasaskan analisis serta menerusi aspek prinsip teori yang diguna pakai dalam Teori Kuasa. Kajian ini membolehkan para pengkaji dan penyelidik menjadikan ukuran asas sebagai salah satu proses dalam mengenal bagaimana Islam memasuki ke budaya masyarakat Melayu dan juga pelaksanaan peraturan yang berasaskan Islam. Perkara ini menjadi satu keperluan dan kehendak bagi setiap pengkaji dalam melihatkan sejarah terdahulu bagaimana pelaksanaan undang-undang yang melambangkan simbolisme serta idealisme yang sangat unggul pada pemerintahan zaman dahulu.

Kajian ini juga telah membuktikan bahawa ketiga-tiga objektif kajian yang disasarkan tercapai sekaligus meletakkan pengaruh Islam sebagai kerangka utama dalam kajian melalui teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Objektif pertama secara jelas mengenal pasti pengaruh Islam yang terdapat dalam teks undang-undang ini. Dalam konteks ini, segala aspek-aspek yang terkandung dalam teks ini yang mempunyai kaitan dengan Islam sama telah dikemukakan di dalam analisis. Seterusnya adalah objektif yang kedua iaitu menganalisis teks *Undang-Undang Kedah (1893)* dengan menggunakan Teori Kuasa iaitu melalui tiga prinsip. Prinsip-prinsip ini pula dikemukakan dalam tiga pecahan iaitu membuktikan peraturan yang yang dilaksanakan dari segi pemerintahan, adat serta undang-undang. Manakala bagi objektif yang ketiga adalah memperlihatkan kesan Islam dalam teks undang-undang ini pengkaji telah menyimpulkan dan mengemukakan bukti mengikut kepada fakta kesan-kesan Islam yang membuatkan teks undang-undang ini menjadi satu titik panduan dalam pelaksanaan peraturan.

### 5.3 Cadangan Kajian

Pada peringkat ini, beberapa cadangan boleh dijadikan suatu rujukan pelbagai pihak sebagai langkah untuk memperlihatkan teks *Undang-Undang Kedah* ini sebagai suatu perkara penting dalam menentukan budaya dan juga satu teks yang penting pada zaman dahulu. Maka teks undang-undang ini akan dijadikan sebagai satu objektif utama kajian dalam memperlihatkan pengaruh Islam yang ada dalam teks ini disebabkan oleh kemasukan terawal Islam ke negeri Kedah dan boleh digunakan dalam membuat penyelidikan. Berikut adalah cadangan yang dikemukakan sebagai rujukan pelbagai pihak.

#### 5.3.1 Peranan Penyelidik Seterusnya

Penyelidik yang baharu adalah salah satu cara untuk meningkatkan lagi cabang ilmu melalui teks *Undang-Undang (1893)* ini. Terdapat beberapa perkara yang tersirat menerusi teks undang-undang ini dimana ianya bukan sahaja hanya boleh dikaji melalui elemen Islam akan tetapi terdapat juga menerusi penggunaan ayat yang digunakan atau disebut sebagai etnografi. Seperti yang sudah dijalankan oleh pengkaji terhadap teks undang-undang ini merangkumi segala aspek yang boleh dikembangkan lagi melalui penyelidikan kepada pengkaji-pengkaji baharu yang akan datang.

Selain itu, bukan sahaja melalui teks undang-undang yang dikaji ini sahaj yang boleh menjadi salah satu cabang ilmu akan tetapi teori yang digunakan juga boleh dijadikan sebagai satu rujukan kepada penyelidik dalam mengaplikasikan teori terhadap atas kajian yang dilakukan. Teori Kuasa ini bukan sahaja boleh dibuktikan menerusi teks undang-undang malahan melalui karya-karya sastera yang mempunyai kaitan dengan sistem pemerintahan juga boleh dijadikan sebagai penerapan teori dalam kajian. Secara tidak langsung, ianya membolehkan penyelidik dan juga pengkaji meluaskan lagi cabang ilmu menerusi aplikasi teori yang boleh dilaksanakan terhadap teks-teks serta karya sastera.



### 5.3.2 Peranan Institusi Pendidikan

Bagi menjadikan teks undang-undang ini sebagai cabang ilmu yang wajib diketengahkan kepada masyarakat, maka institusi pendidikan merangkumi pendidikan peringkat sekolah dan pendidikan tinggi melalui peranan pihak universiti perlu mewujudkan pembelajaran yang besar dalam memahami teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Langkah ini bukan sahaja mampu menjadikan teks ini sebagai sejarah Tanah Melayu dan negeri Kedah malahan mampu memberi suntikan kepada para murid sekolah dan universiti untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang teks undang-undang ini. Hal ini kerana, teks undang-undang juga merupakan satu teks sastera yang boleh dijadikan panduan kepada kehidupan dan dengan kajian tersebut mampu memberi satu kesan yang sangat positif kepada kesusasteraan.

### 5.4 Kesimpulan

Kesimpulan hasil kajian yang dijalankan ini telah menyarankan agar para pengkaji baru lebih memfokuskan kepada teks *Undang-Undang Kedah (1893)*. Hal ini kerana, teks ini merupakan manuskrip yang unggul di negeri Kedah dan juga tanah Melayu yang mampu memberi satu simbolik yang terbaru kepada pengkaji. Diharapkan juga kajian pengaruh islam dalam teks undang-undang ini mampu menjadi panduan kepada para pengkaji dan penyelidik baharu agar lebih membuat banyak kajian terhadap teks ini yang merupakan teks undang-undang bersejarah pada zaman dahulu. Selain itu, kebanyakan penyelidik pada hari ini lebih suka kepada persekitaran mengkaji penulisan dan bukannya kepada teks undang-undang. Perkara ini agak merisaukan kepada pengkaji kerana, teks undang-undang adalah satu simbolik kepada sesebuah negara dan juga negeri serta budaya kepada masyarakat kita. Melalui teks undang-undang ini dapat dilihat sistem pemerintahan yang telah dijalankan serta bagaimana idealisme pemerintah-pemerintah zaman dahulu menggubal undang-undang dalam menjadi sebuah tanah kekuasaan mereka itu aman dan damai.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Mohd Ariff (1997), *Undang-Undang Islam di Kedah Sebelum Penjajahan Inggeris; Satu Penilaian Sejarah*, Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UM.
- Allauwiyah Bt Jusoh (2006). *Analisis Teks Undang-Undang Kedah Berasaskan Perspektif Hukum Islam*, Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
- Aisyah Kamaruddin (2017), *Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1893): Satu Pengenalan Awal dalam Konteks Pensejarah Kedah*. Universiti Sains Malaysia.
- Has Zainah Mahat (1990), *Sejarah Perundangan di Kedah Sehingga 1957*, Latihan Ilmiah, Fakulti Undang-Undang, UM.
- Wan Syamsuddin Wan Yusof (1992), *Hukum Kanun Kedah; Kajian Dari Sudut Politik, Ekonomi, dan Sosio-Budaya*, Kertas kerja dalam *Kursus Sejarah Negeri Kedah Untuk Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kedah*, 26,28 dan 29 Januari 1992, anjuran Muzium Negeri Kedah Darul Aman.
- Mariyam Salim, (2005), *Undang-Undang Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Radzi (1998/1990), *Undang-Undang Kedah: Satu Analisa Teks*, Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, UKM.
- Mahani Musa (2003), *Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1311H/1893M)*. Kertas Kerja *Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu iii*, Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, 3-5 June 2003.
- Allauwiyah Jusoh (2006), *Analisis Teks Undang-Undang Kedah Berasaskan Perspektif Hukum Islam*, Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Khoo Kay Jin (2001), *Undang-Undang Kedah Dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah*, dalam *Masyarakat Melayu Abad ke-19*, Kuala Lumpur, Jawatankuasa Kolokium DBP.
- Kamus Dewan Bahasa (2017), *Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur

- Siti Fairus Binti Kamarudin (2015), *Manuskrip Undang-Undang Kedah; Kajian Unsur-Unsur Etnografi Islam*, Jabatan Sejarah dan Tamadun Malaysia, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Siti Hawa Haji Salleh (2006), Naskhah Melayu Berunsur Sejarah (Kerajaan Melayu) dalam *Siri Kajian Naskhah Kesultanan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Afiza Mohd Nasir (2018), jilid 9, *Pengukuhan Kuasa Pemerintahan Kesultanan Melayu Kedah Dalam Undang-Undang Kedah*, Universiti Putra Malaysia: Kuala Lumpur.
- M.B Hooker (1972), *Peraturan Adat dalam Melayu Moden: Pemilikan Tanah, Kerajaan Tradisional dan Agama*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972.
- Halimah Hassan (tiada tarikh), *Sahsiah Jati Diri Negara Bangsa Dalam Manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah*.
- Zarirah Haji Mahat (1996), *Undang-Undang Kedah: Satu Analisis Aspek Ejaan Jawi, Morfologi dan Sintaksis*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Jelani Harun (2008), *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, Pulau Pinang: Penerbit USM
- Jelani Harun (2008), jilid ke-26. *Undang-Undang Adat Melayu di London*, SARI: *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*.
- Nurul Ain Binti Ahmad Sani (2013), *Islam Versus Adat dalam Undang-Undang Kedah*. Sains Kemanusiaan, International Islamic University Malaysia (IIUM).
- Wan Shamsudin Bin Mohd Yusoff (Tiada Tarikh) *Hukum Kanun Kedah: Satu Penelitian Mengenai "Hukum Kanun Dato' Kota Setar"*. Kertas Kerja, Arkib Negara Cawangan Kedah/Perlis.
- French, J.R.P & Raven, B (1959), *The Bases of Social Power*, in D.Cartwright (Ed), *Studies in Social Power*, Ann Arbor. Univ. Of Michigan Press, 1959: 150-167.
- Salmah Jan Noor Muhammad (2018) *Pengukuhan Kuasa Pemerintahan Kesultanan Melayu Kedah Dalam Undang-Undang Kedah*. Universiti Putra Malaysia: Kuala Lumpur.


- Amirudin Putera bin Zainol Abidin (2011), *Kedudukan Dhawi Al-Arham dalam Sistem Pembahagian Pusaka Islam: Satu Kajian di Negeri Kedah Darul Aman*.
- Norhasnira Ibrahim & Faisal Ahmad Shah (2002), Vol.5 No 1, *Pengaruh Islam dalam Penulisan Manuskrip Melayu: Gambaran daripada Manuskrip Terpilih*. Sains Insaniah. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Owens, R. G. (1998). *Organizational Behaviour in Education*. (6th ed.). London: Allyn and Bacon.
- Ab Aziz Yusof (2018), *Pengurusan Perniagaan Islam: Konsep, Isu dan Pelaksanaan*. Universiti Utara Malaysia.
- Thaha Abdullah Al-Afifi (2008), *Orang-orang Yang Mendapat Rahmat*. Perpustakaan Nasional: Katalog Terbitan
- Fahd Salem Bahammam (2015), *Puasa: Penjelasan dan Pengenalan tentang rukun dan urgensi puasa*. Perpustakaan Nasional Indonesia
- Hasbhi Ash Shadieq (2006), *Sejarah & Pengantar Ilmu Hadits*. Pustaka Rizki Putra.
- Eva Iryani (2008), *Hukum Islam dalam Formulasi Hukum Indonesia*. A-Empat Edisi 1: Indonesia
- Yazid Haji Maarof (2019), *Politik Perspektif Islam: (Siyasah Syar'iyah)*. Siri 1, Perkasakan Syariat Islam Secara Holistik, Institusi Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Achmad Chojim (2014), *Membangun Surga: Bagaimana Hidup Damai di Bumi Agar Damai Pula di Akhirat*. PT Serambi ilmu Semesta
- Wan Faizah Wan Yusoff (2013), *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara*, Jilid 3. Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad Farouk Musa (2012), *Wacana Pemikiran Reformis*, Jilid 1, Islamic Renaissance Front Berhad: Kuala Lumpur

Yusoff Iskandar (1992), *Pensejarahan Melayu: Kajian tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.


Abd Jalil Borham (2015), *Pengantar Perundangan Islam*, Universiti Teknologi Malaysia: Johor Darul Ta'zim



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN